

**MUSLIM KELAS MENENGAH DI MALAYSIA: DEFINISI SERTA
SUMBANGAN DALAM BIDANG EKONOMI DAN POLITIK**
(Middle Class Muslim in Malaysia : Definition and Their Contributions to
Economics and Politics)

Oleh:
Wan Kamal Mujani*
Allawati Kasri**

Abstrak

Struktur 'kelas', khususnya 'kelas menengah' merupakan satu konsep yang sering menjadi perbincangan dalam bidang sains sosial pada masa kini. 'Kelas' merupakan satu istilah yang sukar untuk didefinisikan kerana ia dianggap sebagai sesuatu yang relatif dan subjektif. Islam sendiri tidak mengiktiraf kewujudan kelas dalam struktur masyarakatnya. Sungguhpun tidak wujud konsep kelas dalam Islam, kajian mengenainya perlu diketengahkan bagi memahami penggunaan konsep ini dalam konteks masyarakat Muslim, khususnya di Malaysia. Selain itu, kajian yang khusus tentang Muslim kelas menengah di Malaysia juga tidak banyak diketengahkan. Oleh itu, penulisan ini dikemukakan bagi mengkaji Muslim kelas menengah di Malaysia yang terdiri daripada masyarakat Melayu, Cina dan India. Ketiga-tiga golongan ini telah memberikan sumbangan yang besar terhadap pembangunan negara sama ada dalam bidang ekonomi, politik mahupun sosial. Namun begitu, artikel ini hanya akan memfokuskan kepada sumbangan Muslim kelas menengah dalam bidang ekonomi dan politik sahaja. Sumbangan mereka dalam bidang ekonomi dapat dilihat melalui penglibatan mereka dalam pelbagai bentuk perniagaan dan perusahaan. Penglibatan ketiga-tiga golongan ini khususnya dalam bidang profesional, pengurusan dan pentadbiran telah membantu negara dalam meningkatkan guna tenaga serta mengurangkan kadar pengangguran. Di samping itu, golongan ini juga mempunyai kuasa beli yang tinggi dan mampu mengembangkan budaya konsumerisme (kepenggunaan) yang baik dalam kalangan masyarakat. Secara tidak langsung ia akan mempercepatkan perkembangan dan kemajuan negara, iaitu melalui peningkatan permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan tertentu. Sumbangan mereka dalam bidang politik pula dapat dilihat melalui penyertaan mereka dalam parti-parti politik utama di Malaysia seperti United Malay National Organization (UMNO), Malaysian Chinese Association (MCA), Malaysian Indian Congress (MIC), Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA) dan badan-badan bukan kerajaan lain.

Kata kunci: Muslim kelas menengah, Malaysia, sumbangan, ekonomi, politik

* Wan Kamal Mujani, Ph.D. adalah Timbalan Pengarah Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB), UKM dan Profesor di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

** Allawati Kasri adalah pelajar Sarjana di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Abstract

The 'class' structure, especially the 'middle class' is a concept that has always been a debate in the world of social sciences nowadays. 'Class' is a term that is difficult to define because it is regarded as something that can be both relative and subjective. Islam itself does not recognize the existence of classes in the structure of its society. Although the concept of 'class' does not exist in Islam, the study of it should be highlighted in order to fully understand the use of this concept in the context of Muslim societies, especially in Malaysia. In addition, not a lot of specific studies on Muslim middle class in Malaysia have been brought to light. Therefore, this paper is presented to study the Muslim middle class in Malaysia, consisting of Malays, Chinese and Indians. All three groups have contributed greatly towards the development of the country, whether in economics, politics, or social aspects. However, this article will only focus on the contribution of the Muslim middle class in economics and politics alone. Their contribution in the economic field can be seen through their involvement in businesses and industries throughout the nation. The involvement of all three groups, especially in professional fields, management, and administration has helped the country in increasing employment and reducing unemployment. Besides that, these people also have high purchasing power and are able to develop a good culture of consumerism within the community. Indirectly, it will accelerate the development and progress of countries, namely through an increase in demand for certain goods and services. Their contributions in politics can be seen through their participation in the political parties in Malaysia such as the United Malay National Organization (UMNO), Malaysian Chinese Association (MCA), Malaysian Indian Congress (MIC), Malaysian Indian Muslim Congress (KIMMA) and other non-government agencies.

Keywords: *Muslim middle class, Malaysia, contribution, economics, politics*

Pengenalalan

Isu-isu mengenai 'kelas menengah' sering kali diperdebatkan oleh penulis Barat dan Islam. Menurut Cashell, tidak terdapat definisi khusus yang boleh digunakan dalam mendefinisikan kelas menengah. Istilah kelas menengah merupakan satu istilah yang berbentuk relatif, subjektif dan tidak mudah untuk ditakrifkan.¹ Sehingga hari ini, isu mengenai konsep dan teori kelas menengah masih dibincangkan dan pendekatan yang digunakan oleh para pengkaji juga berbeza. Maka, tidak hairanlah jika ada di kalangan mereka yang tidak terlalu menekankan aspek teori dan konsep 'kelas menengah' di dalam penulisan mereka. Islam pula tidak memberi penekanan yang khusus tentang kelas sepertimana yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh sosial Barat, bahkan boleh dikatakan tidak wujud kelas dalam Islam.² Namun begitu, kajian mengenai 'kelas' dan 'kelas menengah'

¹ Brian W. Cashell (2008), "Who Are the 'Middle Class?'," *CSR Report for Congress*, 22 Oktober 2008, h. 1.

² Muhammad Qutb (1980), *Shubahat Hawl al-Islam*, Beirut: Dar al-Shuruq, h. 97.

perlu diketengahkan bagi memahami penggunaan konsep ini yang telah diterima pakai dalam kalangan masyarakat dunia pada hari ini.

Negara yang maju ialah negara yang dianggotai oleh ramai kelas menengah. Oleh itu, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh mana-mana kerajaan bagi mempercepatkan dan meningkatkan pertumbuhan golongan ini. Di Malaysia, bilangan kelas menengah adalah lebih ramai jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN lain seperti Indonesia, Filipina dan Thailand. Namun begitu, jumlah mereka jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara perindustrian seperti Jepun, Taiwan, Hong Kong dan Korea Selatan. Sumbangan yang diberikan oleh golongan ini memang tidak dapat dinafikan kepentingannya sama ada dalam bidang ekonomi, politik mahupun sosial. Malaysia sebagai sebuah negara multietnik telah melahirkan masyarakat 'Muslim kelas menengah' yang antaranya adalah terdiri daripada Melayu, Cina dan India. Sejarah kemunculan ketiga-tiga golongan ini perlu dikaji bagi mengenalpasti sejauh mana sumbangan yang diberikan oleh mereka dalam membantu perkembangan negara. Oleh itu, penulisan ini akan membincangkan secara umum tentang ketiga-tiga golongan tersebut dengan memfokuskan kepada sumbangan mereka dalam bidang ekonomi dan politik.

Teori Dan Konsep Kelas Menengah

Islam tidak memberi penekanan yang khusus tentang 'kelas' sepertimana teori yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh sosial Barat bahkan boleh dikatakan tidak wujud kelas dalam Islam. Oleh itu, tidak wujud juga satu kelas yang dikenali sebagai 'kelas menengah'. Sehingga hari ini, sememangnya sukar bagi para pengkaji untuk mendapatkan definisi yang jelas mengenai konsep kelas di dalam al-Qur'an, apatahlagi jika dikaitkan dengan pengertian lazim yang diperkenalkan oleh ilmu-ilmu sosial moden. Ilmu-ilmu sosial moden kebiasaannya menghubungkan konsep kelas dengan masalah ketidaksamaan sosial. Tidak boleh dinafikan jika dikatakan Islam juga mempunyai pandangan tentang ketidaksamaan sosial dan pengkelasan masyarakat berdasarkan kelompok sosial. Namun begitu, pandangan Islam mengenai kedua-dua aspek tersebut tidak bererti boleh disamakan dengan konsep kelas yang dikemukakan oleh ilmu-ilmu sosial moden. Kuntowijoyo dalam perbincangannya mengenai Islam dan kelas sosial menegaskan bahawa konsep pembahagian sosial yang merujuk kepada adanya kelas sepertimana yang dikemukakan oleh al-Qur'an tidak boleh disamakan dengan konsep kelas yang difahami dalam ilmu sosial moden, kerana kelas merupakan satu konsep yang baru muncul pada abad ke-19 dalam struktur masyarakat Eropah. Oleh itu, bagi membincangkan secara khusus mengenai konsep kelas menurut pandangan Islam, para pengkaji seharusnya mengetahui terlebih dahulu sejarah kemunculan dan perkembangan konsep kelas, khususnya dalam konteks sejarah masyarakat Barat.³

³ Kuntowijoyo (1991), *Paradigma Islam Interpretasi untuk Aksi*, Bandung: Penerbit Mizan, h. 293.

Karl Marx dan Max Weber merupakan dua orang tokoh sosiologi terawal yang membincangkan isu-isu berkaitan 'kelas' di negara-negara Barat. Marx berpendapat bahawa pembahagian kelas sukar untuk dilakukan kerana kelas adalah ciptaan sejarah yang akan lenyap pada masa akan datang. Beliau menyatakan terdapat beberapa bentuk masyarakat berkelas dalam sejarah Eropah, iaitu masyarakat kuno (Yunani dan Rom), masyarakat feodal abad pertengahan dan masyarakat kapitalisme. Masyarakat kapitalisme dilihat memiliki ciri-ciri yang lebih khusus yang membezakannya dengan dua bentuk masyarakat zaman sebelumnya. Oleh itu, Marx menumpukan perhatiannya bagi mengkaji ciri-ciri perbezaan tersebut serta menganalisis sejarah perkembangan kapitalisme yang telah berjaya membentuk penguasaan golongan sosialis dan menghapuskan kelas-kelas sosial lain. Menurut Marx, sistem kelas kapitalisme adalah didasarkan kepada satu bentuk hubungan kelas yang dominan, iaitu di antara pemodal dan pekerja upahan. Para pemodal adalah mereka yang memiliki kilang dan mesin, di mana pemilikan tersebut telah menggantikan tanah sebagai alat pengeluaran (means of production). Pekerja atau buruh upahan pula merupakan kelas pekerja yang tidak mempunyai pemilikan dan telah kehilangan kawalan terhadap alat-alat pengeluaran mereka. Kematangan golongan kapitalis menjadikan sebahagian besar penduduk berubah menjadi pekerja upahan. Mereka terpaksa menjual tenaga kerja mereka kepada pemilik modal sebagai usaha menyelamat dan mengimbangi kehidupan mereka. Pekerja upahan akan memperoleh kembali nilai kerjanya dalam bentuk upah yang ditetapkan berdasarkan jumlah masa yang diperuntukkan bagi menghasilkan pengeluaran. Keuntungan yang dihasilkan oleh golongan pekerja akan mengembalikan semula perbelanjaan yang dikeluarkan pemodal bagi membiayai upah kerjanya. Di samping itu, keuntungan juga merupakan nilai tambah terpenting kepada ekonomi kapitalis kerana ia menjadi kekuatan kepada perusahaan yang dijalankan.⁴

Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa teori kelas Marx tidak begitu memberi penekanan terhadap isu 'kelas menengah'. Kelas terbentuk berdasarkan faktor ekonomi atau lebih tepat melalui ragam pengeluaran seseorang individu. Justeru, melalui teori ini, muncul dua kelas dalam struktur masyarakat, iaitu kelas 'borjuis' dan 'proletariat' di mana sering berlaku konflik di antara kedua-duanya.

“Our epoch, the epoch of the bourgeoisie, possesses, however, this distinctive feature: it has simplified the class antagonism. Society as whole is more and more splitting up into great hostile camps, into two great classes directly facing each other: Bourgeoisie and Proletariat”.⁵

Berbeza pula dengan Weber, iaitu tokoh sosiologi yang muncul selepas Marx di mana menurut beliau, sesuatu kelas itu tidak harus ditentukan dengan hanya merujuk kepada faktor ekonomi (ragam pengeluaran) sahaja, bahkan dengan

⁴ Anthony Giddens & David Held (1982), *Classes, Power and Conflict: Classical and Contemporary Debates*, London: Macmillan Education LTD, h. 3-5.

⁵ Stephen Edgell (1993), *Class*, London & New York: Routledge, h. 2.

merujuk faktor-faktor lain seperti kedudukan dalam pasaran dan pemilikan harta.⁶ Oleh itu, dalam perbincangannya mengenai kelas, beliau lebih memfokuskan kelas sebagai kelas sosial, dan bukan kelas ekonomi. Weber menegaskan bahawa kelas merujuk kepada sesuatu kumpulan yang berkongsi situasi kelas yang sama:

“The typical chance for a supply of goods, external living, conditions and personal life experiences, in so far as this chance is determined by the amount and kind of power, or lack of such, to dispose of goods or skills for the sake of income in a given economic order”.⁷

Menurut Weber lagi, ‘kelas’ terdiri daripada golongan yang memperoleh pendapatan daripada dua bentuk pemilikan iaitu pemilikan positif dan pemilikan negatif. Pemilikan positif terdiri daripada golongan yang memiliki sumber-sumber seperti pekerja, tanah, lombong (mines), kilang dan peralatannya, kapal, pembayaran hutang dan jaminan. Manakala, pemilikan negatif pula terdiri daripada golongan hamba, proletariat, penghutang dan orang miskin yang hanya memiliki tenaga kerja bagi memperoleh pendapatannya. Di antara kedua-dua bentuk pemilikan ini terdapat ‘kelas menengah’ (Mittlestandsklassen) yang menikmati kehidupan melalui harta, kemahiran dan kebolehan yang mereka miliki. Selain itu, kelas menengah ini juga terdiri daripada kelas pedagang. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa kelas sosial menurut pendapat Weber adalah dianggotai oleh kelas pekerja, borjuis kecil (petty bourgeoisie) serta golongan yang memiliki kepintaran dan kemahiran seperti pekerja kolar putih, teknikal dan pengurus.⁸

Dengan demikian, teori Weber mungkin lebih sesuai untuk menonjolkan ‘kelas menengah’ berbanding teori kelas Marx yang kelihatan lebih terbatas. Walau bagaimanapun, teori kelas yang dikemukakan oleh Marx dan Weber dikatakan mempunyai kelemahan masing-masing kerana gagal untuk menempatkan dan menentukan fungsi kelas menengah dalam keseluruhan struktur masyarakat. Oleh itu, muncul sarjana-sarjana terkemudian yang dikenali sebagai neo-Marxist dan neo-Webrian bagi melengkapkan lagi teori kelas yang dikemukakan oleh mereka. Eric Olin Wright (neo-Marxist), salah seorang pengkaji sosiologi terkemudian telah menilai semula dan mengembangkan teori asal yang dikemukakan oleh Karl Marx. Beliau membentuk satu jadual kelas ekor dari masalah bagi memahami kedudukan ‘kelas menengah’ dalam masyarakat kapitalis, iaitu berdasarkan teori ‘setiap kelas mempunyai kedudukan yang berbeza’ dengan melihat kepada kemunculan golongan pengurus, pemilik kecil dan pekerja semi autonomi. Ketiga-tiga golongan ini mempunyai kedudukan yang berbeza dengan kelas borjuis dan proletariat serta membentuk satu kelas yang dikenali sebagai ‘kelas menengah’. Teori kelas Wright dapat difahami melalui jadual berikut:


⁶ *Ibid.*, h. 13.

⁷ Max Weber (1961), *From Max Weber: Essay in Sociology*, London: Routledge and Kegan Paul, h. 181.

⁸ Giddens Anthony & David Held (1982), *op. cit.*, h. 71-73.

Jadual 1.

Teori Kelas Wright



Sumber: Edgell 1993: 18

Berdasarkan jadual di atas, Wright telah mengembangkan teori kelasnya dengan memperkenalkan satu golongan yang dikenali sebagai 'borjuis kecil' (petty bourgeoisie). Menurut Wright, golongan pengurus mempunyai kedudukan berbeza di antara golongan borjuis dan proletariat, pekerja semi autonomi pula mempunyai kedudukan yang berbeza di antara borjuis kecil dan proletariat, manakala pemilik kecil berbeza kedudukannya di antara golongan borjuis dan borjuis kecil. Perbezaan kedudukan kelas tersebut dikemukakan berdasarkan kepada tiga bentuk penguasaan yang utama, iaitu penguasaan ke atas modal, alat pengeluaran dan tenaga buruh. Dalam masyarakat kapitalis, golongan borjuis menguasai ketiga-tiga aspek tersebut, tetapi berbeza pula dengan borjuis kecil yang hanya menguasai aspek modal dan alat pengeluaran sahaja. Golongan pengurus, pemilik kecil dan pekerja semi autonomi juga dilihat memiliki penguasaan tersebut tetapi dalam kadar yang kurang daripada borjuis dan lebih daripada proletariat.

Selain Wright, Goldthorpe yang digolongkan sebagai neo-weberian turut menganalisis struktur kelas di negara Barat sejak tahun 1960-an. Kajian beliau adalah berasaskan kepada status pekerjaan, iaitu melalui perbezaan antara pekerja manual dan bukan manual (kelas menengah). Beliau membentuk teori kelas bersesuaian dengan kategori pekerjaan yang disusun mengikut tiga kumpulan utama, iaitu pekerja kolar putih (white collar) atau kelas perkhidmatan, kelas pertengahan (intermediate class) dan kelas pekerja atau pekerja manual. Goldthorpe telah menggunakan tujuh lapangan pekerjaan dalam jadual kelas yang dikemukakannya, iaitu:

Jadual 2.
Teori Kelas Goldthrope

- | | |
|-----|---|
| I | Higher-grade professionals, self-employed or salaried; higher-grade administrators and officials; managers in large industrial establishment; and large proprietors |
| II | Lower-grade professionals and higher-grade technicians; lower-grade administrators and officials; managers in small business and industrial establishments and in services; and supervisors of non-manual employees |
| III | Routine non-manual employees in administration and commerce; sales personnel; and other rank and file employees in services workers |
| IV | Small proprietors; self-employed artisans; and other own account workers apart from professionals |
| V | Lower-grade technicians; supervisors of manual workers |
| VI | Skilled manual wage-workers in all branches of industry |
| VII | Semi and unskilled manual worker; and agricultural workers |

Classes I & II = Service Class
Classes III, IV & V = Intermediate Class
Classes VI & VII = Working Class

Sumber: Edgell 1993: 28

Sepertimana jadual di atas, kelas menengah menurut Goldthorpe adalah golongan yang berada pada kedudukan I, II, III, IV dan V.

Selain itu, persoalan kelas turut dibincangkan oleh Nicos Poulantzas. Menurut beliau, kedudukan seseorang dalam bidang ekonomi tidak boleh ditentukan dengan hanya berdasarkan hubungannya dalam pengeluaran. 'Kelas penguasa' tidak boleh ditentukan berdasarkan pemilikan alat pengeluaran sahaja, bahkan berdasarkan kemampuan mereka mengendalikan dan menggunakan alat pengeluaran tersebut bagi menghasilkan 'nilai lebih' daripada kelas yang dieksploitasi, iaitu kelas pekerja. 'Kelas pekerja' pula tidak boleh didefinisikan sebagai penerima upah kerana semua pekerja adalah penerima upah termasuklah pekerja kolar putih, sedangkan pekerja kolar putih ini tidak tergolong dalam kelas pekerja kerana mereka tidak terlibat secara langsung dalam proses pengeluaran dan tidak menghasilkan 'nilai tambah' untuk keuntungan penguasa. Dalam konsep Poulantzas, pekerja kolar putih merujuk kepada borjuis kecil baru (*new petty bourgeoisie*) atau kelas menengah baru (*new middle class*). Selain itu, Poulantzas berpendapat bahawa borjuis kecil baru dan lama telah berjaya membentuk satu kelas tersendiri bersesuaian dengan kedudukan mereka dalam kelas tersebut.⁹

Anthony Giddens dalam perbincangannya mengenai kelas menyatakan bahawa daripada keseluruhan isu-isu mengenai teori kelas, tidak ramai pengkaji yang memberi tumpuan kepada sifat dan pengaplikasian konsep kelas. Tumpuan lebih

⁹ Anthony Giddens & David Held (1982), *op. cit.*, h. 94.

banyak diberikan kepada perbincangan mengenai struktur hubungan antara kelas sahaja. Justeru, Gidden telah mengutarakan tiga model kelas sosial berasaskan kepada kemampuan dalam pasaran, iaitu pemilikan harta yang berbentuk alat pengeluaran, pemilikan kelayakan pendidikan dan kemahiran teknikal serta pemilikan tenaga buruh. Daripada ketiga-tiga bentuk pemilikan ini, muncul tiga kelas sosial yang terdiri daripada kelas atasan, menengah dan bawahan atau kelas pekerja.¹⁰ Kelas atasan merupakan kelas yang lahir daripada mereka yang memiliki harta, kelas menengah pula lahir daripada golongan yang memiliki pendidikan dan kemahiran teknikal manakala kelas pekerja atau kelas bawahan pula merupakan mereka yang memiliki tenaga kerja.

Begitulah ilmuan sosial Barat menilai 'kelas' dan 'kelas menengah' di negara-negara mereka yang kebiasaannya dikaitkan dengan kapitalisme. Kapitalisme mula berkembang di dunia Islam setelah negara-negara tersebut dikuasai oleh imperialisme Barat sehingga mereka dianggap menerima dan tidak menolak kapitalisme. Menurut Muhammad Qutb, kapitalisme tidak akan berkembang dan mencapai kemajuan tanpa adanya riba dan monopoli sedangkan Islam mengharamkan kedua-dua perkara ini. Ahli sosiologi dan ekonomi seperti Karl Marx bertanggapan bahawa perkembangan kapitalisme telah membawa kemajuan yang hebat dalam tamadun manusia. Kapitalisme telah meningkatkan hasil pengeluaran, memperbaiki alat perhubungan dan berjaya mengeksploitasi kekayaan. Namun begitu, kapitalisme menyebabkan pengumpulan kekayaan di tangan kelas kapitalis sehingga mengabaikan kepentingan kelas pekerja. Kelas kapitalis telah mengeksploitasi kelas pekerja bagi menghasilkan pengeluaran sedangkan upah yang diberikan sangat kecil sehingga kadangkala tidak mampu menampung kehidupan kelas pekerja, bahkan keuntungan juga hanya dimonopoli oleh kelas kapitalis yang berkuasa.¹¹ Prinsip Islam telah menetapkan supaya keuntungan yang diperolehi dikongsi bersama antara golongan pekerja dan majikan. Islam juga menilai bahawa harta yang dikeluarkan oleh golongan pemodal dan tenaga yang dikeluarkan oleh pekerja adalah berada pada kedudukan yang sama kerana matlamatnya adalah satu, iaitu menghasilkan pengeluaran. Atas dasar inilah keuntungan yang terhasil harus dikongsi bersama dan hal ini membuktikan bahawa Islam amat menekankan keadilan.¹²

Oleh itu, Muhammad Qutb secara tegas menolak kewujudan kelas dalam Islam. Menurut beliau tiada hak-hak istimewa yang diterima secara turun temurun sepertimana yang berlaku kepada kelas bangsawan di negara-negara Eropah. Pada zaman feodal abad pertengahan, para bangsawan Eropah membentuk satu undang-undang yang menetapkan penyerahan seluruh harta pusaka kepada putera sulung dalam keluarga tanpa mengambilkira ahli keluarga lain, dengan tujuan memelihara dan mengekalkan kekayaan mereka. Keadaan ini menyebabkan kelas yang memiliki harta akan terus berkuasa sehingga membolehkan mereka membentuk undang-undang berdasarkan kepentingan diri dan mengabaikan

¹⁰ *Ibid.*, h. 157 & 159.

¹¹ Muhammad Qutb (1980), *op. cit.*, h. 76.

¹² *Ibid.*, h. 78.

kepentingan kelas lain. Berbeza dengan Islam yang tidak meletakkan prinsip untuk mengumpulkan kekayaan, bahkan secara tegas melarangnya jika matlamatnya menyimpang.¹³ Islam menetapkan peraturan dalam membahagikan harta kekayaan kepada yang berhak sepertimana yang digambarkan dalam firman Allah s.w.t mengenai harta pusaka:

وَإِذَا حَضَرَ الْقِسْمَةَ أُولُو الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينُ فَأَرْزُقُوهُمْ مِنْهُ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا

Maksudnya: “Dan apabila kerabat (yang tidak berhak mendapat pusaka), dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin hadir ketika pembahagian (harta pusaka) itu, maka berikanlah kepada mereka sedikit daripadanya, dan berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik”.¹⁴ Surah Al-Nisa’ (4): Ayat 8

Walau bagaimanapun, Islam mengakui adanya perbezaan dan polarisasi sosial. Perbezaan ini telah membawa kepada kemunculan perjuangan antara kelas yang meletakkan pelbagai matlamat, tetapi ia didasari oleh semangat untuk menegakkan keadilan dan bukan perjuangan untuk melenyapkan kelas lain. Al-Qur’an melihat fenomena ketidaksamaan sosial tersebut sebagai hukum dan realiti alam yang ditakdirkan ke atas dunia manusia. Banyak ayat al-Qur’an yang menggambarkan perbezaan antara seseorang dengan seseorang yang lain, sama ada dari aspek kedudukan sosial, ekonomi atau aspek-aspek lain.¹⁵ Contohnya seperti firman Allah s.w.t :

وَاللَّهُ فَضَّلَ بَعْضَكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ فِي الرِّزْقِ ۗ فَمَا الَّذِينَ فِي الرِّزْقِ فَضَّلُوا بَرَاءَىٰ رِزْقِهِمْ عَلَىٰ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَهُمْ فِيهِ سَوَاءٌ ۗ أَفَبِنِعْمَةِ اللَّهِ يَجْحَدُونَ

Maksudnya: “Dan Allah telah melebihkan sebahagian dari kamu atas sebahagian yang lain pada rezeki yang dikurniakanNya; Dalam pada itu, orang-orang yang diberi kelebihan itu tidak mahu memberikan sebahagian daripada kelebihan hartanya kepada hamba-hamba mereka, supaya orang-orang itu dapat sama mempunyai harta. Maka mengapa mereka tergamak mengingkari nikmat Allah itu dengan perbuatan syirik?”¹⁶ Surah Al-Nahl (16): 71

Seterusnya Allah s.w.t berfirman lagi:

وَرَفَعْنَا بَعْضَهُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِّيَتَّخِذَ بَعْضُهُمْ بَعْضًا سُخْرِيًّا ۗ وَرَحِمْتُ رِبَّكَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ

¹³ *Ibid.*, h. 97.

¹⁴ Al-Qur’an (2001), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Qur’an*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), h. 180.

¹⁵ Kuntowijoyo (1991), *op. cit.*, h. 299.

¹⁶ Al-Qur’an (2001), *op. cit.*, h. 650.

Maksudnya: “Dan juga Kami telah menjadikan darjat setengah mereka tertinggi dari darjat setengahnya yang lain; (semuanya itu) supaya sebahagian dari mereka senang mendapat kemudahan menjalankan kehidupannya dari (bantuan) setengahnya yang lain. Dan lagi rahmat Tuhanmu (yang meliputi kebahagiaan dunia dan akhirat) adalah lebih baik dari kebendaan dan keduniaan semata-mata yang mereka kumpulkan”.¹⁷ Surah Al-Zukhruf (43): 32

Fenomena perbezaan dan polarisasi sosial ini dipandang sebagai sesuatu yang muncul di sepanjang sejarah kehidupan manusia. Dalam konteks ini, gerakan untuk melenyapkan perbezaan sosial yang terbina dalam realiti kehidupan manusia dianggap sama seperti melawan fitrah dan ketentuan Ilahi. Islam merupakan agama yang secara serius berusaha untuk mengurangkan ketidakadilan sosial. Contohnya melalui pengeluaran zakat, di mana zakat merupakan kewajipan yang dipertanggungjawabkan ke atas kelas kaya bagi menegakkan keadilan sosial terhadap golongan yang lebih memerlukan. Melalui konsep zakat ini, dapat dilihat bahawa adanya perhatian yang diberikan oleh kelas kaya kepada golongan yang lemah dan miskin seiring dengan perintah al-Qur’an yang melarang umatnya untuk mengumpulkan kekayaan supaya kekayaan tersebut tidak hanya berada pada tangan golongan kaya sahaja.¹⁸ Firman Allah s.w.t:

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ
وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً ۗ بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنكُمْ

Maksudnya: “Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi RasulNya, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin serta orang-orang musafir. (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu”.¹⁹ Surah Al-Hashr (59): 7

Selain perjuangan antara kelas, Islam juga mengakui kewujudan perbezaan antara kelas, kerana secara objektifnya setiap kelas mempunyai kepentingan yang berbeza. Namun begitu, perbezaan tersebut bukanlah perbezaan ke arah penghancuran kelas lain sepertimana yang difahami oleh Marxisme yang mengaitkan kemunculannya dengan struktur yang tidak adil dalam penguasaan alat pengeluaran dan kekayaan. Prinsip Islam menetapkan bahawa struktur yang adil tidak akan tercipta dengan menghancurkan kelas-kelas yang menguasai alat pengeluaran.²⁰ Selain itu, Islam juga tidak membentuk kelas berpaksikan kepada harta, tetapi ia membentuk martabat berdasarkan kepada ilmu dan perwatakan seseorang. Dalam erti kata lain, martabat itu diukur berdasarkan ilmu dan bukan

¹⁷ *Ibid.*, h. 1306.

¹⁸ Kuntowijoyo (1991), *op. cit.*, h. 300.

¹⁹ Al-Qur’an (2001), *op. cit.*, h. 1486.

²⁰ Kuntowijoyo (1991), *op. cit.*, h. 301.

kekayaan. Contohnya, dalam Islam, ulama dan mujtahid di pandang sebagai golongan yang memiliki martabat yang tinggi. Walaupun tidak kaya, mereka tetap dihormati dan dikagumi oleh masyarakat. Walau bagaimanapun, dalam ilmu sains sosial moden, masyarakat telah dipecahkan mengikut kelas, iaitu berdasarkan kuasa atau politik dan tidak lagi memandang ilmu sebagai sesuatu yang penting. Unsur ini dilihat telah menjadi ukuran dalam proses pembentukan masyarakat moden. Dalam Islam, kelas mengikut kuasa politik dan harta tidak pernah wujud, yang ada hanya golongan yang berilmu dan berakhlak mulia kerana Islam memandang semua manusia itu sama dan tiada darjat yang membezakan mereka. Oleh itu, ukuran yang terbaik antara manusia adalah insan yang bertaqwa kepada Allah s.w.t.²¹ Hal ini dibuktikan berdasarkan firman Allah s.w.t:

يٰۤاَيُّهَا النَّاسُ اِنَّا خَلَقْتُمْ مِّنْ ذَكَرٍ وَّاُنْثٰى وَجَعَلْنٰكُمْ شُعُوْبًا وَّقَبَاۤئِلَ لِتَعَارَفُوْا ۗ اِنَّ اَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللّٰهِ اَتْقٰىكُمْ ۗ اِنَّ اللّٰهَ عَلِيْمٌ حَبِيْرٌ

Maksudnya: *“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu sama lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu)”*.²² Surah Al-Hujurat (49): 13

Sungguhpun tidak wujud konsep kelas dalam Islam, kajian mengenainya perlu diketengahkan bagi memahami penggunaan konsep tersebut dalam konteks masyarakat Muslim, khususnya di Malaysia. Menurut Kamus Dewan edisi ke-4, ‘kelas menengah’ atau ‘kelas pertengahan’ didefinisikan sebagai golongan masyarakat antara kelas bawahan dan kelas atasan.²³ Kajian mengenai kelas menengah di Malaysia secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua peringkat. Peringkat pertama adalah kajian khusus mengenai kelas menengah daripada golongan pentadbir yang merangkumi asal usul, pertumbuhan dan kedudukan sosial serta peranan dan sumbangan mereka pada zaman penjajah. Ini termasuklah perbincangan mengenai peranan dan pemikiran mereka selepas merdeka pada 1957 serta perubahan gaya hidup mereka. Kajian peringkat kedua pula adalah kajian mengenai perubahan struktur sosial masyarakat Malaysia kesan daripada perkembangan perindustrian dan pertumbuhan ekonomi negara yang seterusnya membawa kepada transformasi sosial dan pertumbuhan kelas menengah, khususnya ‘kelas menengah baru’. Di samping itu, kajian di peringkat ini turut

²¹ Mohd Zaidi Senapi & Nazmy Sannusi (2008), “Kelas Menengah Melayu: Pudar di Sebalik Agenda Politik”, *Al-Islam*, Bil. 417, September 2008, h. 13.

²² Al-Qur’an (2001), *op. cit.*, h. 1387.

²³ *Kamus Dewan* (2007), Ed. ke- 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 713.

mengetengahkan perbincangan mengenai peranan negara dalam pembentukan kelas menengah, pertumbuhan dan pengembangan kelas menengah, kedudukan etnik, kesedaran kelas, politik dan budaya. Termasuk juga dalam peringkat ini ialah kesan perpaduan nasional dan demokrasi negara terhadap kelas menengah dan perbincangan mengenai konsep serta teori kelas.²⁴

Perbincangan awal mengenai kelas menengah di Malaysia dilakukan oleh pengkaji-pengkaji seperti Syed Husin Ali, Nordin Selat dan Jomo K. Sundram. Syed Husin Ali dalam kajiannya mengenai masyarakat kampung mengkategorikan kelas berdasarkan penguasaan mereka dalam bidang ekonomi. Kedatangan British ke Tanah Melayu telah membawa pengaruh dan perubahan besar terhadap masyarakat sama ada dalam bidang ekonomi, politik, mahupun sosial. Pengaruh pendidikan, pentadbiran serta perubahan ekonomi yang diterima oleh masyarakat kampung telah merubah struktur sosial mereka kerana mereka dilihat mula melibatkan diri dalam pekerjaan-pekerjaan lain yang tidak lagi terikat dengan sektor pertanian. Oleh itu, keadaan ini telah membawa kepada kemunculan satu bentuk kelas baru yang dikenali sebagai 'kelas menengah'. Mereka adalah terdiri daripada kalangan guru, kerani, imam, penghulu dan ketua kampung. Golongan kelas menengah ini dipandang sebagai satu kumpulan yang mempunyai status dan kedudukan ekonomi yang kuat berbanding penduduk kampung yang lain. Selain itu, beliau juga telah menyenaraikan enam faktor yang mempengaruhi kedudukan seseorang dalam struktur sosial masyarakat, iaitu faktor peribadi, agama, pendidikan, tanggungjawab kepada masyarakat, pekerjaan dan penguasaan dalam bidang ekonomi.²⁵ Kajian Syed Husin Ali seterusnya menunjukkan bahawa kelas menengah terbentuk daripada tiga bidang yang utama, iaitu pengurusan, profesional dan perniagaan. Bidang pengurusan lebih banyak disertai oleh orang Melayu, tetapi orang bukan Melayu turut terlibat dalam bidang ini, khususnya dalam kerja-kerja teknikal, perubatan dan perkhidmatan pendidikan. Manakala dalam bidang profesional pula, majoritinya terdiri daripada orang bukan Melayu. Bidang perniagaan juga didominasi oleh orang bukan Melayu, namun begitu dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan telah menggalakkan penyertaan masyarakat Melayu dalam bidang tersebut. Menurut beliau, kebanyakan golongan kelas menengah berkongsi cara hidup yang sama. Di samping itu, kelas menengah daripada kumpulan pentadbir, profesional dan peniaga juga mendapat bimbingan dan sokongan daripada parti politik kerajaan sama ada di peringkat bandar mahupun daerah.²⁶

Kajian mengenai kelas menengah Malaysia kemudiannya diteruskan oleh Nordin Selat pada tahun 1976 dengan memfokuskan kepada kemunculan kelas menengah kumpulan pentadbir dan perkembangan gaya hidup mereka. Seperti Syed Husin

²⁴ Abdul Rahman Embong (1999), "Malaysian Middle Class Studies: A Critical Review", dalam Jomo K.S (ed), *Rethinking Malaysia*, Kuala Lumpur: Malaysian Social Science Association, h. 109.

²⁵ Syed Husin Ali (1964), *Social Stratification in Kampong Bagan: A Study of Class, Status, Conflict and Mobility in a Rural Malay Community*, Singapura: Malaysia Printers Limited, h. 146-147.

²⁶ Syed Husin Ali (1984), "Social Relations: The Ethnic and Class Factors", dalam *Ethnicity, Class and Development Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia, h. 17.

Ali, Nordin Selat juga mengaitkan kemunculan golongan ini dengan kejayaan British menguasai negeri-negeri di Tanah Melayu, iaitu selepas tercetusnya Revolusi Perindustrian di Eropah. Menurut beliau, pegawai-pegawai British yang memerintah Tanah Melayu pada ketika itu terdiri daripada golongan kelas menengah Eropah dan mereka berjaya mempengaruhi gaya hidup kelas menengah pentadbir di Tanah Melayu. Oleh kerana itu, kelas menengah pentadbir pada zaman ini dilihat mengembangkan gaya hidup yang berbeza dengan masyarakat Melayu lain. Sebagai contoh, mereka gemar menghabiskan masa dengan membaca majalah-majalah berbahasa Inggeris seperti majalah *Times*, *Far Eastern Economic Review* dan *Reader's Digest*. Mereka juga menghabiskan masa lapang dengan melancong ke luar negara dan bermain permainan golongan elit seperti golf dan tenis. Golongan kelas menengah pentadbir yang ditugaskan membantu urusan pentadbiran ini lahir daripada sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh British, iaitu melalui *Malay Collage Kuala Kangsar* (MCKK). Kajian beliau pada 1978 pula menunjukkan terdapat dua ukuran yang boleh digunakan bagi menerangkan kelas menengah, iaitu ukuran objektif dan ukuran subjektif. Ukuran objektif merangkumi kelulusan pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan tempat tinggal. Manakala, ukuran subjektif merangkumi gaya hidup dan sikap terhadap beberapa perkara.²⁷

Jomo K. Sundram pula menggunakan pendekatan sejarah bagi menganalisis dan menjelaskan pembentukan kelas di Semenanjung Malaysia pada zaman penjajahan dan selepas merdeka. Menurut beliau, kelas ditentukan oleh hubungan dalam pengeluaran sosial. Pertentangan dan percanggahan kelas dalam proses pengeluaran perlu diambilkira bagi memahami pembentukan kelas sosial di Malaysia. Kelas tidak hanya ditakrifkan berdasarkan aspek ekonomi sahaja, bahkan aspek politik dan ideologi. Beliau juga menyatakan bahawa telah muncul dua kelas sosial sebelum penjajahan, iaitu kelas pemerintah dan kelas yang diperintah. Di antara kedua-dua kelas ini terbentuk pula satu kelas yang dikenali sebagai 'kelas menengah' yang terdiri daripada golongan pentadbir dan pengurus, pekerja iktisas dan pekerja teknikal. Jomo merujuk golongan ini sebagai borjuis kecil yang baru muncul di tengah-tengah masyarakat pada ketika itu. Golongan borjuis kecil yang dikenali sebagai pentadbir-pembesar (administocrat) muncul sebagai kelompok pemerintah yang menjadi pengantara di antara pemodal asing dan tempatan, lapisan atas dalam masyarakat tani, borjuis kecil luar bandar serta kelas pekerja.²⁸

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa pengkaji-pengkaji awal tentang kelas di Malaysia kurang menitikberatkan penjelasan mengenai teori dan konsep kelas menengah, tetapi lebih menekankan kepada sejarah awal pembentukan dan faktor yang mendorong perkembangannya. Teori mengenai kelas menengah di Malaysia turut dibincangkan oleh Johan Saravanamuttu. Beliau lebih cenderung untuk

²⁷ Nordin Selat (1978), *Renungan*, Kuala Lumpur: Utusan Printcorp Sdn. Berhad, h. 64.

²⁸ Jomo K. Sundram (1977), "Class Formation in Malaya: Capital, the State and Uneven Development" (Tesis PhD, Jabatan Sosiologi, University Harvard), h. 362-365.

menerima dan menggunakan konsep kelas menengah yang dikembangkan oleh Giddens ketika membicarakan persoalan kelas menengah di Malaysia. Menurut Saravanamuttu, kelas menengah terdiri daripada pekerja bukan buruh dan bukan petani. Mereka memiliki kelayakan, kemahiran dan kecekapan teknikal serta menduduki posisi kelas menengah berdasarkan kemampuan dalam pasaran. Seterusnya, daripada pengertian ini, beliau mengkategorikan kelas menengah berdasarkan tujuh jenis pekerjaan, iaitu profesional, teknikal, pentadbiran dan pengurusan, pengkeranian, penjualan dan beberapa perkhidmatan lain. Beliau menyatakan bahawa pengembangan kelas menengah di Malaysia berlaku dengan amat ketara, sedangkan peratusan kelas petani dan kelas buruh masih sama dan mungkin akan mengalami kemerosotan. Selain itu, beliau juga mengakui bahawa kelas menengah adalah diwakili oleh setiap kaum yang secara umumnya boleh dianggap terlibat atau berperanan dalam penonjolan beberapa isu politik semasa yang bukan bersifat perkauman.²⁹

Pendekatan yang diambil oleh Saravanamuttu telah mendapat kritikan daripada pengkaji kelas menengah lain iaitu Joel S. Kahn. Beliau merupakan salah seorang pengkritik yang kurang bersetuju dengan pendekatan yang digunakan oleh Saravanamuttu. Beliau menyatakan bahawa pandangan Saravanamuttu tersebut adalah pandangan yang cuba untuk mengembalikkan semula model kelas menengah yang diperkenalkan oleh Barat pada abad ke-19 yang lebih bersifat kapitalisme. Kahn berpendapat bahawa konsep yang digunakan itu perlu disemak dan dinilai semula, khususnya sebelum membuat perbincangan mengenai persoalan kelas menengah tersebut. Menurut beliau, kelas menengah tidak harus dikenal pasti dengan merujuk kepada hubungan dalam pengeluaran atau budaya golongan pemodal tetapi adalah berdasarkan proses pembentukan negara moden sama ada pada zaman penjajahan mahupun zaman selepas penjajahan. Pendekatan Kahn ini menunjukkan bahawa pembangunan negara memainkan peranan yang penting dalam pembentukan dan pengembangan kelas menengah.³⁰ Kahn juga melihat bahawa negara moden memainkan peranan yang lebih penting dalam pembentukan kelas menengah di Malaysia berbanding perkembangan kapitalis.³¹

Shamsul Amri Baharuddin pula melihat kelas menengah sebagai suatu fenomena sosial yang bukan hanya wujud di Malaysia bahkan juga di merata dunia. Menurut beliau, golongan yang melihat kelas menengah dalam konteks kerangka kelas sosial yang *doctrinaire* akan mengatakan kelas menengah itu sebenarnya tidak wujud. Mereka berpendapat masyarakat hanya dibahagikan kepada dua, iaitu yang mendominasi dan yang didominasi. Justeru, kelas menengah dianggap daripada segi sosial sebagai bayangan palsu (*illusion*). Berdasarkan keadaan sosial di

²⁹ Johan Saravanamuttu (1989), "Kelas Menengah dalam Politik Malaysia: Tonjolan Perkauman atau Kepentingan Kelas", *Kajian Malaysia*, Bil. 7 (1&2), h. 109.

³⁰ Joel S. Kahn (1991), "Constructing Culture: Toward an Anthropology of the Middle Classes in Southeast Asia", *Asian Studies Review*, Bil. 15 (2), November 1991, h. 56.

³¹ Joel S. Kahn (1996), "The Middle Class as a Field of Ethnological Study", dalam Ikmal Said & Zahid Emby (ed), *Malaysia: Critical Perspectives Essays in Honour of Syed Husin Ali*, Kuala Lumpur: Malaysian Social Science Association, h. 24-25.

Malaysia, tidak dapat dinafikan bahawa mereka yang menganggotai kelas ini akhirnya akan tergolong dalam kelas yang mendominasi atau yang didominasi.³²

Selain itu, beliau juga menunjukkan ukuran bagi menentukan keanggotaan kelas menengah di Malaysia, iaitu berdasarkan pekerjaan manual dan bukan manual. Kelas menengah daripada pekerjaan manual semakin berkembang jumlahnya, dan anggotanya pula menikmati pendapatan dan pekerjaan yang jauh lebih baik jika dibandingkan dengan kelas pekerja. Hal ini disebabkan oleh kelayakan pendidikan dan kemahiran teknikal yang mereka miliki yang dilihat jauh lebih baik daripada kelas pekerja sehingga mereka mewujudkan gaya hidup yang berbeza antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, ukuran ini mungkin kurang signifikan bagi menentukan kelas menengah, kerana kelas menengah terbentuk daripada tiga keadaan, iaitu kelas menengah atasan, menengah dan bawahan. Kelas menengah bawahan hampir menyerupai kelas pekerja daripada aspek pendapatan dan gaya hidupnya. Kelas atasan pula mirip kepada kelas atasan disebabkan kemewahan yang mereka miliki, manakala golongan yang benar-benar bersifat seperti kelas menengah adalah begitu kecil jumlahnya. Oleh itu, menurut beliau, sempadan yang memisahkan kelas menengah dengan kelas-kelas lain begitu kabur dan sukar untuk dikenal pasti.³³

Seterusnya, pendekatan yang dikemukakan oleh Saravanamuttu dan Kahn telah diguna pakai oleh Abdul Rahman Embong ketika membincangkan isu berkaitan kelas menengah di Malaysia. Beliau melihat bahawa hubungan pengeluaran dan negara moden sama-sama penting dalam melahirkan dan mengembangkan kelas menengah di Malaysia. Menurut beliau, kelas menengah di Malaysia adalah fenomena sejarah yang muncul daripada keadaan khusus dalam politik, ekonomi, sosial dan budaya Malaysia. Oleh itu, kelas menengah ini perlu dikaji berdasarkan kepada gerak kuasa sejarah yang khusus yang mempengaruhi pembentukan kelas tersebut. Beliau juga melihat walaupun transformasi sosial telah menjadikan kelas menengah di Malaysia bersifat multietnik dan berkongsi beberapa ciri objektif, kesedaran kelas dan kecenderungan ke arah demokrasi di kalangan mereka tidak boleh dianggap sebagai sesuatu yang terbentuk dengan sendirinya. Sebaliknya, sentimen etnik, nilai budaya dan agama menjadi pembolehubah penting dalam membentuk pandangan dan orientasi nilai kelas menengah yang mempunyai kepelbagaian etnik.³⁴

Sumbangan Muslim Kelas Menengah Di Malaysia

Dalam konteks Malaysia, antara Muslim kelas menengah yang utama adalah terdiri daripada Melayu, Cina dan India. Golongan ini telah memberikan

³² Shamsul Amri Baharuddin (1993), *Masyarakat Melayu dan Alam Sosialnya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 4.

³³ *Ibid*, h. 5.

³⁴ Abdul Rahman Embong (1995), "Malaysian Middle Classes: Some Preliminary Observations", *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*, Bil. 22, h. 35.

sumbangan yang amat besar dalam pembangunan Malaysia, khususnya dalam bidang ekonomi dan politik. Sektor profesional, pengurusan dan pentadbiran merupakan dua di antara sektor pekerjaan terpenting di Malaysia yang menyumbang kepada pendapatan negara. Oleh itu, dalam bahagian ini, penulis hanya akan membincangkan kedudukan Muslim kelas menengah dalam kedua-dua bidang tersebut sahaja, kerana penglibatan mereka dalam sektor pekerjaan ini dilihat dapat membantu negara meningkatkan jumlah guna tenaga dan seterusnya mengurangkan kadar pengangguran negara. Tidak dapat dinafikan bahawa negara yang maju adalah negara yang memiliki kadar pengangguran yang sedikit. Di samping itu, pekerja dalam bidang ini juga mempunyai kuasa beli yang tinggi dan berjaya mengembangkan budaya konsumerisme (kepenggunaan) yang baik dalam masyarakat.

Selain itu, bahagian ini juga akan memberi perhatian kepada aktiviti-aktiviti perekonomian ketiga-tiga etnik tersebut kerana mereka turut menyumbang kepada kerancakan ekonomi negara. Sebenarnya, kerancakan ekonomi kelas menengah akan turut merencanakan sektor perindustrian dan perkhidmatan lain dan seterusnya menarik perhatian pelabur asing untuk melabur modal di negara ini. Ia kemudiannya akan menyumbang semula kepada hasil pendapatan negara menerusi pembayaran pelbagai bentuk cukai seperti cukai perniagaan dan perkhidmatan. Hal ini dapat memberi kekuatan kepada negara untuk menghadapi apa jua implikasi ekonomi yang berlaku.³⁵

Pembentukan Muslim kelas menengah di Malaysia turut menjadi punca kuasa dalam bidang politik. Muslim kelas menengah yang terbentuk daripada golongan berpendidikan dan berpelajaran dilihat mampu untuk mempengaruhi situasi politik negara. Selain parti politik, golongan ini juga menjadikan badan-badan bukan kerajaan lain sebagai agensi untuk menyuarakan kepentingan dan membela nasib mereka.

i) Melayu

Secara umumnya, struktur masyarakat Melayu pada zaman tradisional hanya terdiri daripada dua golongan atau dua kelas sahaja. Golongan pertama dikenali sebagai kelas pemerintah atau 'raja', manakala golongan kedua pula dikenali sebagai kelas yang diperintah atau lebih mudahnya 'rakyat'. Walau bagaimanapun, terdapat juga sarjana yang berpendapat bahawa pada zaman ini telah muncul satu kelas yang dikenali sebagai 'kelas menengah'. Gullick sebagai contoh menyatakan bahawa terdapat satu kelas perantara atau pertengahan di antara 'raja' dan 'rakyat'. Mereka terdiri daripada ketua kampung, imam dan golongan peniaga yang mempunyai kedudukan sederhana dalam struktur masyarakat. Namun begitu, pendapat ini kurang diterima oleh sarjana-sarjana lain.³⁶ Wheeler dalam bukunya, *The Modern Malay* menyatakan bahawa kelas menengah Melayu muncul pada tahun 1920-an kesan daripada pendidikan yang

³⁵ Mohd Khuzairi Ismail (2008), "Ringankan Kelas Menengah", *Utusan Malaysia*, 19 Ogos 2008.

³⁶ J.M Gullick (1964), *Malaya*, London: Ernest Benn Ltd, h. 22.

diperkenalkan oleh pihak British. Orang Melayu berpendidikan Inggeris dikategorikan sebagai kelas menengah atasan dan kebiasaannya dilantik sebagai kakitangan kerajaan. Kelas menengah bawahan pula merujuk kepada orang Melayu lulusan sekolah-sekolah Melayu dan berkerja sebagai ketua kampung, guru, kadi dan pegawai-pegawai pertanian.³⁷ Nordin Selat pula berpendapat bahawa kelas menengah Melayu terbentuk di Tanah Melayu selepas kejayaan kerajaan British menguasai seluruh negeri-negeri Melayu, iaitu selepas teretusnya Revolusi Perindustrian di Eropah sekitar abad ke-19.³⁸

Oleh itu, boleh dikatakan bahawa kemunculan kelas menengah Melayu adalah bermula selepas penjajahan British di Tanah Melayu. Persekutuan Tanah Melayu di bawah pemerintahan British telah memperkenalkan dua bentuk perkhidmatan awam, iaitu *Malayan Civil Service* (MCS) dan *Malay Administrative Service* (MAS). Pada peringkat awal MCS hanya dibataskan kepada rakyat berketurunan Inggeris sahaja, tetapi keadaan mula berubah apabila urusan pentadbiran mula bertambah dan semakin kompleks. Bagi memudahkan urusan pentadbiran tersebut, *Malay Collage Kuala Kangsar* (MCKK) telah ditubuhkan pada tahun 1905 khusus untuk mendidik dan memberi latihan kepada bakal-bakal pegawai Melayu yang majoritinya terdiri daripada golongan aristokrat. Peluang memasuki maktab ini kemudiannya diberikan kepada golongan biasa setelah berlakunya perkembangan dalam pembinaan sekolah dan institusi pendidikan lain. Mereka yang lulus daripada maktab ini akan diserapkan ke dalam MAS yang bertaraf lebih rendah daripada MCS. Namun begitu, pentadbir Melayu yang mempunyai kebolehan dalam pengurusan pentadbiran akan diberi kepercayaan untuk berkhidmat dalam MCS. Di samping melahirkan kelas menengah pentadbir, MCKK juga berjaya melahirkan golongan Melayu bertaraf profesional.³⁹ Kelas menengah Melayu pentadbir dan profesional ini lebih dikenali sebagai 'kelas menengah moden' atau 'kelas menengah baru'.

Kelas menengah pentadbir pada zaman ini telah memperlihatkan gaya hidup yang berbeza dengan masyarakat Melayu lain, sama ada daripada aspek pendidikan, pemakaian, pekerjaan mahupun cara mereka menggunakan masa lapang yang boleh disifatkan mengikut gaya hidup Barat. Sungguhpun begitu, kedudukan mereka sentiasa dipandang tinggi oleh orang Melayu lain. Mereka berperanan sebagai ejen penghubung antara kelas atasan dan bawahan serta menjadi pemimpin kepada kelas bawahan.⁴⁰ Selain itu, mereka juga merupakan generasi pertama yang berjaya meningkatkan kelas tersebut. Mereka sebenarnya mempunyai peranan yang besar dalam melahirkan golongan kelas menengah terkemudian, di samping membantu pembangunan negara sama ada dalam bidang

³⁷ L.R. Wheeler (1928), *The Modern Malay*, London: Allen & Unwin, h. 205.

³⁸ Nordin Selat (1976), *Kelas Menengah Pentadbir Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu (M) Bhd., h. 45.

³⁹ Khasnor Johan (1984), *The Emergence of the Modern Malay Administrative Elite*, Singapura: Oxford University Press, h. 1 & 26.

⁴⁰ Nordin Selat (1978), *op. cit.*, h. 61-62.

ekonomi mahupun politik. Status sosial kelas menengah profesional pula berada di peringkat atas. Mereka merupakan golongan yang disegani dan disanjung tinggi oleh masyarakat Melayu serta dilihat sebagai 'orang Melayu baru' kerana memiliki taraf pendidikan yang tinggi. Melalui pencapaian dalam bidang pendidikan, mereka berjaya menyandang jawatan penting dalam jabatan-jabatan kerajaan dan swasta serta memperoleh jumlah pendapatan yang jauh lebih baik daripada masyarakat umum. Pendapatan yang tinggi membolehkan mereka mengukuhkan kedudukan ekonomi mereka dengan mengumpulkan harta benda seperti tanah, rumah, kereta, saham dan lain-lain harta yang boleh melambangkan status profesion mereka.⁴¹

Kelas menengah Melayu banyak mendapat manfaat daripada Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1970, iaitu selepas berlakunya peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.⁴² Pertumbuhan ekonomi yang pesat dalam tempoh dua dekad lebih setelah pelaksanaan DEB telah mempercepatkan proses pembentukan kelas pekerja, kelas menengah dan kelas kapitalis di Malaysia.⁴³ Di samping dasar kerajaan, pengembangan kelas menengah ini juga dipengaruhi oleh perubahan dalam sektor awam yang memperlihatkan peningkatan penyertaan golongan kelas menengah dalam sektor tersebut.⁴⁴ Kelas menengah Melayu di Malaysia secara perlahan-lahan menjadi semakin besar bilangannya dan mula mengembangkan ciri-ciri khusus sehingga mereka mula dianggap sebagai tulang belakang dalam masyarakat. Kelas menengah ini turut dianggap sebagai golongan yang penting bagi membawa atau merapatkan tenaga yang boleh membantu aktiviti dalam pelbagai bidang seperti kebudayaan, politik, ekonomi dan sosial. Mereka telah ditugaskan dengan bebanan dan tanggungjawab untuk membantu mempercepatkan proses perpaduan masyarakat, dan seterusnya menyumbang dalam pembangunan negara.⁴⁵

Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) juga telah membawa peningkatan kepada penyertaan masyarakat Melayu dalam aktiviti ekonomi moden, khususnya perniagaan. Pada awal kemerdekaan (1957-1969) atau zaman dasar ekonomi bebas, penyertaan Melayu dalam aktiviti perniagaan terlalu kecil bilangannya. Peluang untuk melibatkan diri dalam bidang ini hanya dimonopoli oleh segelintir masyarakat Melayu yang mempunyai susur galur sebagai orang besar seperti anak kepada pemilik tanah dan anak pentadbir yang terdedah kepada pendidikan moden. Selain itu, banyak syarikat bumiputera yang muncul pada masa itu mengalami kegagalan kerana kekurangan modal, pengetahuan, pengalaman dan

⁴¹ Umran Mohd. Anas Khan (1991), "Kelas Menengah Melayu Bandar: Satu Kajian Status Sosio-ekonomi dan Politik" (Tesis Sarjana Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya), h. 6.

⁴² Nordin Selat (1978), *op. cit.*, h. 83.

⁴³ Abdul Rahman Embong (2000), "Perindustrian, Peranan Pemerintah dan Pembentukan Kelas Menengah", dalam *Negara, Pasaran dan Pemodenan Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 85.

⁴⁴ Abdul Rahman Embong (1995), *op. cit.*, h. 46.

⁴⁵ Mohd Nor Nawawi (1991), "Dasar Ekonomi Baru, Perpaduan Nasional dan Kelas Menengah", dalam Khadijah Muhamed & Halimah Awang (ed), *Dasar Ekonomi Baru dan Masa Depan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia, h. 153.

kepakaran dalam sektor ekonomi. Oleh itu, pelbagai langkah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi membaiki kedudukan mereka dalam sektor ekonomi, khususnya perniagaan. Pada tahun 1965, Bank Bumiputera ditubuhkan untuk meningkatkan kemudahan pinjaman kepada kaum bumiputera. Seterusnya Majlis Amanah Rakyat (MARA) ditubuhkan pada tahun 1967 menggantikan *Rural and Industrial Development Authority* (RIDA) untuk membangunkan kaum bumiputera dalam sektor perniagaan dan perindustrian skala kecil. Namun begitu, program-program seperti MARA dan RIDA didapati gagal membangunkan kaum bumiputera untuk menguasai industri tersebut.⁴⁶ Data rasmi kerajaan pada tahun 1970 menunjukkan bahawa 63.3 peratus modal saham dalam syarikat di Semenanjung Malaysia dipegang oleh pemodal asing manakala 34.3 peratus yang lainnya dipegang oleh pemodal Malaysia dengan hanya 2.4 peratus sahaja daripada pemodal Melayu.⁴⁷ Penglibatan orang Melayu dalam perniagaan besar hanya bermula dengan penubuhan Perbadanan Nasional (PERNAS) pada tahun 1969, iaitu selepas berlakunya rusuhan pada 13 Mei 1969.⁴⁸

Pelaksanaan DEB turut mencetuskan satu transformasi dalam masyarakat Malaysia, khususnya kaum Melayu. Kesan DEB mula dirasai apabila ia mula membawa satu dimensi baru kepada keusahawanan bumiputera dalam dekad 1980-an yang berbeza daripada usahawan dalam dekad 1960-an dan 1970-an. Golongan usahawan bumiputera dalam dekad 1980-an memiliki kelayakan pendidikan tinggi dan berkebolehan mengendalikan pengoperasian perniagaan yang lebih besar seperti mendirikan syarikat-syarikat besar serta menceburi bidang perindustrian moden seperti perbankan, insurans, hartanah, perhotelan, perkhidmatan konsultan dan sebagainya. Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam pelaksanaan DEB telah berjaya meningkatkan sebahagian besar syarikat milik bumiputera yang dioperasikan oleh bumiputera. Kejayaan DEB juga dipengaruhi oleh pelaksanaan Dasar Pembangunan Negara (1991-2000), di mana ia telah berjaya mewujudkan kelas menengah Melayu peniaga.⁴⁹ Di samping itu, agensi-agensi kerajaan juga banyak membantu dalam menambahkan dan membangunkan usahawan bumiputera, iaitu melalui program pembangunan usahawan seperti bantuan modal, infrastruktur dan teknologi. Program-program yang dijalankan telah berjaya meningkatkan jumlah usahawan bumiputera dalam perniagaan. Pada tahun 1971, jumlah usahawan bumiputera yang berdaftar hanyalah 24,549 (15.4%) berbanding usahawan bukan bumiputera yang berjumlah 135,320 (84.6%). Pada tahun 1986 jumlah tersebut meningkat kepada 78,871 (24.9%) daripada keseluruhan yang berjumlah 315,760. Kemudian, pada tahun

⁴⁶ Chin Yee Whah (2001), "Transformasi Budaya Niaga Usahawan Cina di Semenanjung Malaysia", *Kajian Malaysia*, Bil. 19 (1), h. 63.

⁴⁷ Harold Crouch (1996), *Government and Society in Malaysia*, New South Wales: Allen & Unwin, h. 200.

⁴⁸ Chin Yee Whah (2001), *op. cit.*, h. 63.

⁴⁹ *Ibid.*, h. 68-69.

1987, peniaga bumiputera dalam perniagaan tunggal dan perkongsian yang berdaftar telah mencapai 35 peratus daripada jumlah keseluruhan, iaitu 589,904.⁵⁰

Pada hari ini, pelbagai langkah telah diambil oleh pihak kerajaan bagi menyusun semula guna tenaga, khususnya ke arah meningkatkan bilangan dan peratusan guna tenaga bumiputera dalam kategori pengurusan, profesional dan pekerjaan berpendapatan tinggi yang lain. Program pendidikan dan latihan yang dibentuk merupakan strategi utama dalam penyusunan guna tenaga bagi membolehkan lebih ramai bumiputera mendapat pekerjaan dalam sektor ekonomi moden. Peratusan guna tenaga bumiputera meningkat daripada 56.4 peratus pada tahun 2000 kepada 56.5 peratus pada tahun 2003. Peratusan guna tenaga bumiputera juga adalah tinggi jika dibandingkan dengan etnik lain kecuali dalam sektor perdagangan borong, runcit dan pembinaan. Walau bagaimanapun, peratusan bumiputera dalam pekerjaan pentadbiran dan pengurusan seperti penggubal undang-undang, pegawai kanan dan pengurus adalah berada pada kadar yang rendah jika dibandingkan dengan etnik lain, iaitu 37.2 peratus pada tahun 2000. Jumlah tersebut meningkat kepada 37.9 peratus pada tahun 2003.⁵¹ Dalam kategori profesional pula, peratusan guna tenaga bumiputera meningkat daripada 58.3 peratus pada tahun 2000 kepada 58.4 peratus pada tahun 2003. Daripada jumlah ini, 54 peratus adalah terdiri daripada pensyarah, guru pra universiti dan sekolah menengah, penulis serta seniman, manakala 45.8 peratus dalam kategori profesional lain. Bilangan bumiputera berdaftar dalam lapan pekerjaan profesional terpilih seperti akauntan, doktor, peguam dan jurutera juga meningkat dalam tempoh 2000 hingga 2002. Peratusan bumiputera dalam pekerjaan ini meningkat daripada 35.5 peratus pada tahun 2000 kepada 37.2 peratus pada tahun 2002, di mana bidang pekerjaan yang mencatatkan bilangan bumiputera paling tinggi ialah jurutera.⁵² Nor Hayati Sa'at menyifatkan golongan ini sebagai golongan yang terpenting yang membawa pembangunan kepada negara dan masyarakat.⁵³

Sumbangan kelas menengah Melayu dalam bidang politik pula dapat dilihat secara jelas melalui penglibatan mereka dalam parti-parti politik yang ditubuhkan di negara ini seperti *United Malay National Organization* (UMNO), Parti Islam Se-Malaysia (PAS), dan organisasi-organisasi tertentu yang berperanan untuk memperjuangkan dan membela hak-hak mereka dalam pelbagai aspek. Dalam masa yang sama, mereka juga berperanan dalam menggerakkan parti tersebut. Perkembangan institusi pendidikan Inggeris di Tanah Melayu dan adanya segolongan kecil yang melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah telah berjaya melahirkan segolongan intelektual Melayu yang menyedari akan kepentingan bangsa Melayu dan negeri-negeri Melayu yang dijajah oleh British. Disebabkan kesedaran ini, mereka bangkit dan bersatu di bawah Persatuan Melayu Singapura

⁵⁰ Mat Hassan Esa (1992), "Pelan Induk Budaya Keusahawanan", dalam Chamchuri Siwar et.al (ed.), *Ekonomi Bumiputera Selepas 1990*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 60.

⁵¹ Malaysia (2003), *Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005*, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, h. 70.

⁵² *Ibid.*, h. 71.

⁵³ Nor Hayati Sa'at (2004), "Golongan Profesional Melayu di Terengganu: Kajian Sosio-budaya", *Akademika*, Bil. 64, h. 142.

yang telah ditubuhkan pada tahun 1926 sebagai langkah menyatupadukan masyarakat Melayu daripada pelbagai lapisan sosial. Selain itu, persatuan ini juga berperanan untuk menuntut hak keistimewaan orang Melayu dan menentang polisi pentadbiran British secara terbuka. Kemuncak peranan kelas menengah Melayu dalam politik negeri-negeri Melayu dapat dilihat ketika pemerintah British memperkenalkan *Malayan Union* pada tahun 1946. Golongan kelas menengah telah berganding bahu sesama mereka bagi melakukan penentangan dan berjaya menubuhkan UMNO sebagai reaksi terhadap penentangan tersebut.⁵⁴

Jika diperhatikan, sumbangan kelas menengah Melayu dalam politik sebelum merdeka adalah berdasarkan bidang pekerjaan. Guru memainkan peranan dalam masyarakat kampung, pegawai tadbir dan para profesional pula tertumpu kepada masyarakat bandar, manakala golongan wartawan membangkitkan semangat Melayu melalui penulisan akhbar. Mereka berpegang kepada satu matlamat, iaitu menentang *Malayan Union* dan menyatupadukan masyarakat. Dengan ini, terbukti bahawa sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, golongan minoriti kelas menengah Melayu yang terdiri daripada pelbagai bidang pekerjaan telah berjaya membimbing dan membawa masyarakat Melayu ke arah kesedaran politik bagi kepentingan bangsa, negara dan hak-hak keistimewaan mereka. Perjuangan mereka terbalas apabila Tanah Melayu diisytiharkan oleh British sebagai negara merdeka pada 31 Ogos 1957. Pada awal Malaysia mencapai kemerdekaan, jumlah penglibatan Melayu kelas menengah dalam parti UMNO adalah amat terhad. Kemajuan dan pembangunan pemandangan yang diterima oleh masyarakat Melayu, khususnya selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970 telah berjaya mengubah struktur kelas Melayu, di mana ia dapat dibuktikan apabila berlakunya penurunan secara drastik jumlah penglibatan masyarakat Melayu dalam bidang pertanian. Hal ini merupakan cabaran kepada UMNO kerana mereka tidak lagi bergantung kepada undi masyarakat luar bandar bagi memastikan kemenangan mereka dalam pilihanraya, bahkan terpaksa mengalihkan perhatian kepada komuniti Melayu di kawasan lain. Bebeza dengan golongan petani atau masyarakat kampung, komuniti Melayu di kawasan bandar kebiasaannya lebih cenderung untuk membuat tuntutan yang besar kepada kerajaan terhadap undi yang mereka berikan.⁵⁵

Perubahan yang berlaku terhadap komuniti Melayu turut sama berlaku kepada UMNO. UMNO kemudiannya terus mendapat sokongan daripada golongan kelas menengah yang dilihat semakin bertambah dari masa ke semasa. Namun begitu, penglibatan kelas menengah Melayu yang berpendidikan telah berjaya membawa perubahan dalam pimpinan parti tersebut. Keadaan ini jauh berbeza dengan keadaan sebelumnya, di mana pemimpin yang dilantik sentiasa dihormati oleh ahli parti, tetapi ahli baru yang muncul daripada kelas menengah ini dilihat mempunyai aspirasi politik mereka tersendiri. Pertelingkahan yang berlaku dalam

⁵⁴ Umran Mohd. Anas Khan (1991), *op. cit.*, h. 140-141.

⁵⁵ Harold Crouch (1996), *op. cit.*, h. 192.

UMNO kesan daripada golongan kelas menengah ini menyebabkan berlakunya perpecahan pada akhir tahun 1980-an dan membawa kepada pembentukan parti ‘Semangat 46’. Kemunculan Melayu kelas menengah juga telah mempengaruhi parti pembangkang Melayu, iaitu PAS di mana parti ini telah berjaya mengambil alih banyak kawasan baru pada tahun 1980-an. Oleh itu, perpecahan dan peningkatan persaingan parti pada sekitar tahun 1980-an banyak dipengaruhi oleh pertumbuhan kelas menengah.⁵⁶ Pembentukan kelas menengah di Malaysia sebenarnya telah menjadi punca kuasa dalam bidang politik.

Kelas menengah yang terbentuk daripada golongan berpendidikan dan berpendapatan ini semakin lama semakin mempunyai pengaruh yang besar terhadap persekitaran politik. Sokongan dan pendirian mereka, khususnya di bandar-bandar baru telah menjadi rujukan kepada golongan pekerja dan kelas bawahan dalam membuat pendirian politik. Secara tidak langsung ia mempengaruhi undi dalam setiap pilihanraya yang berlaku. Keadaan ini diperkukuhkan lagi dengan penyertaan dan penglibatan kelas menengah dalam politik negara. Justeru, disebabkan potensi kelas menengah yang mampu mengawal politik setempat, mereka sering dijadikan sandaran politik oleh pertubuhan-pertubuhan politik untuk mengembangkan pengaruhnya. Walau bagaimanapun, menurut Datuk Nakhaie Ahmad, Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), masyarakat Melayu Muslim seharusnya tidak hanya bergantung kepada parti-parti politik untuk menyuarakan dan memperjuangkan nasib mereka, sebaliknya lebih baik mengambil kira badan-badan lain seperti badan-badan bukan kerajaan (NGO) sebagai pengimbang untuk mereka.⁵⁷

ii) Cina Muslim

Bagi mengenalpasti peranan dan sumbangan Cina Muslim terhadap pembangunan Malaysia, penelitian mengenai sejarah kemunculan golongan ini perlu dilakukan terlebih dahulu. Kemunculan masyarakat Cina Muslim di Tanah Melayu bermula sejak abad ke-15 lagi, iaitu ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka. Jumlah golongan ini bertambah dari masa ke semasa, khususnya selepas Tanah Melayu berjaya dijajah oleh British. Pada zaman ini, British telah melaksanakan polisinya dengan membawa masuk sebilangan besar buruh dari China untuk bekerja di Semenanjung Tanah Melayu, terutamanya dalam sektor perlombongan. Sebilangan kecil daripada mereka adalah golongan pedagang yang terdiri daripada pelbagai etnik. Daripada keseluruhan mereka ini, ada di antaranya yang terdiri daripada masyarakat Muslim.⁵⁸ Dianggarkan terdapat kira-kira 17.9 peratus Cina Muslim pada ketika itu.⁵⁹ Polisi pihak British ini juga telah membawa kesan yang

⁵⁶ *Ibid.*, h. 193.

⁵⁷ Mohd Zaidi Senapi & Nazmy Sannusi (2008), *op. cit.*, h. 8.

⁵⁸ Rosey Ma Wang (2003), “Chinese Muslim in Malaysia in Different Periods of History”, dalam Ding Choo Ming et.al (ed), *Chinese Studies of the Malay World: A Comparative Approach*, Singapura: Eastern Universities Press, h. 145.

⁵⁹ Rosey Ma Wang @ Luo Li Wang (2009), “Negotiating Identities: The Hui, Chinese Muslim” (Tesis Ph.D, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 133.

besar kepada kewujudan masyarakat Malaysia yang bersifat pluralisme yang terdiri daripada pelbagai etnik.

Selain polisi pihak British, kemunculan Cina Muslim ini juga dipengaruhi oleh penghijrahan sekumpulan individu daripada etnik Hui ke Malaysia yang berlangsung sekitar penghujung abad ke-19. Majoritinya terdiri daripada pelajar-pelajar dan golongan pedagang yang ingin mempelajari ilmu Islam secara mendalam di negara ini. Golongan ini kemudiannya membina penempatan mereka di negeri-negeri seperti Terengganu, Pulau Pinang, Perak dan Sabah. Antara keluarga Cina Muslim yang wujud di Malaysia ialah Hainan (di Perak dan Pulau Pinang), Guangdong (di Terengganu) dan Muslim Koay dari Baiqi, Fujian (di Pulau Pinang). Golongan inilah yang telah dilihat membentuk kumpulan minoriti Hui di Malaysia dan kewujudan mereka dapat dilihat sehingga hari ini.⁶⁰ Di Terengganu, Cina Muslim dari etnik Hui ini dikenali sebagai 'orang Yunani' dan tidak digelar 'muallaf' atau 'saudara baru' kerana mereka merupakan 'Muslim jati'.

Rosey Ma dalam artikelnya melaporkan terdapat seramai 57,221 orang Cina Muslim di Malaysia pada tahun 2000, iaitu sekitar 1 peratus daripada keseluruhan masyarakat Cina yang berjumlah 5,691,908 orang. Negeri Selangor mencatat bilangan Cina Muslim paling tinggi, iaitu 17,246 orang, diikuti negeri Sabah, iaitu seramai 8,589 orang, Kuala Lumpur 7,991 orang dan Sarawak 7,289 orang. Daripada keseluruhan jumlah tersebut, bilangan perempuan (32,271 orang) adalah lebih ramai daripada bilangan lelaki (21,850 orang).⁶¹ Asimilasi Cina Muslim dengan masyarakat setempat kebiasaannya berlaku melalui proses perkahwinan sama ada perkahwinan di antara Cina Muslim dengan Muslim tempatan (Melayu) mahupun Cina Muslim dengan bukan Muslim tempatan.⁶²

Dalam konteks Malaysia, Cina Muslim terdiri daripada masyarakat Cina yang memeluk Islam (convert) dan mereka ini dikenali oleh masyarakat tempatan sebagai *mu'allaf*. Walau bagaimanapun, masyarakat Melayu lebih selesa menggelar mereka sebagai 'saudara baru' atau 'saudara kita'.⁶³ Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) banyak memainkan peranan dalam mengislamkan masyarakat Cina ini bermula daripada awal penubuhannya sehinggalah ke hari ini. Selain itu, PERKIM juga membantu golongan Cina Muslim mendapatkan pekerjaan sesuai dengan kelayakan mereka.⁶⁴ Walau bagaimanapun, kedudukan Cina Muslim 'jati' adalah berbeza dengan 'saudara baru' di Malaysia, di mana 'saudara baru' dilihat lebih banyak menerima manfaat dan keuntungan daripada pihak kerajaan. Contohnya, anak yang lahir daripada

⁶⁰ *Ibid.*, h. 134.

⁶¹ Rosey Ma Wang (2003), *op. cit.*, h. 169.

⁶² Rosey Ma Wang (2009), *op. cit.*, h. 133.

⁶³ Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng *et.al* (2008), *Muslim Convert in Malaysia: The Problem of Cultural Adjustment*, Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia, h. 30.

⁶⁴ Siauw The Giap (1986), *Cina Muslim di Indonesia*, Jakarta: Yayasan Ukuhawah Islamiyah, h. 58.

‘saudara baru’ dan didaftarkan sepenuhnya dengan nama Melayu akan diberikan status ‘bumiputera’ dan dipertimbangkan oleh kerajaan dalam menerima pelbagai bentuk bantuan, walaupun mereka tidak bertutur dalam Bahasa Melayu dan tidak mengamalkan budaya Melayu sepenuhnya.⁶⁵ Menurut Nagata, mereka juga diberi kelayakan untuk menerima bantuan daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA).⁶⁶

Berdasarkan rekod laporan pengislaman tahunan yang diterima daripada badan-badan Dakwah seperti PERKIM, Majlis Agama Islam Negeri dan Pejabat Agama Islam Daerah (PAID), jumlah mereka yang memeluk Islam mengalami penambahan dari masa ke semasa. Statistik yang dikeluarkan oleh PERKIM menunjukkan daripada 416 orang yang memeluk Islam pada tahun 2000, 151 orang daripadanya adalah berbangsa Cina. Jumlah tersebut kemudiannya meningkat pada tahun 2001, di mana terdapat 186 orang Cina yang memeluk Islam daripada keseluruhan ‘saudara baru’ yang berjumlah 541 orang.⁶⁷ Jumlah masyarakat Cina yang memeluk Islam dikatakan bertambah sejak berlakunya peristiwa rusuhan kaum di Kuala Lumpur pada tahun 1969 atau secara khususnya selepas Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan.⁶⁸

Sebuah badan bukan kerajaan yang dikenali sebagai *Malaysian Chinese Muslim Association* (MACMA) telah ditubuhkan pada tahun 1970 di Pulau Pinang oleh Haji Ibrahim Ma bertujuan untuk menjaga kebajikan seluruh masyarakat Cina Muslim di Malaysia.⁶⁹ Di samping meletakkan aktiviti dakwah dan penyebaran agama Islam sebagai objektif utama, MACMA juga meletakkan objektif ekonominya seperti merancang, menyelaras dan melaksanakan ekonomi Islam. Mereka juga memperkenalkan tabung kebajikan bagi membiayai aktiviti kemasyarakatan dan kebajikan dalam kalangan mereka. Objektif ekonomi yang dilaksanakan oleh MACMA secara tidak langsung telah membangunkan ekonomi dan kebajikan masyarakat Cina Muslim, khususnya ahli MACMA sendiri. Di samping itu, ia juga dapat melancarkan pergerakan aktiviti mereka terutamanya dalam bidang dakwah, pendidikan, kebajikan dan pentadbiran.⁷⁰

Masyarakat Cina Muslim yang dikategorikan sebagai masyarakat Muslim kelas menengah ini turut membantu dalam perkembangan dan pembangunan Malaysia. Salah sebuah keluarga Cina Muslim yang terkenal ialah keluarga Haji Ibrahim Ma. Haji Ibrahim Ma bersama-sama Tunku Abdul Rahman, Tan Sri Mubin

⁶⁵ Siau Giap (1993), “Islam and Chinese Assimilation in Indonesia and Malaysia”, dalam Cheu Hock Tong (ed), *Chinese Beliefs and Practices in Southeast Asia*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd, h. 93.

⁶⁶ Judith A. Nagata (1978), “The Chinese Muslim of Malaysia: New Malays or New Associates? A Problem of Religion and Ethnicity”, dalam Gordon P. Means (ed), *The Past in Southeast Asia’s Present*, Ottawa: Secretariat, Canadian Society for Asian Studies, h. 109.

⁶⁷ Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng *et al* (2008), *op. cit.*, h. 128.

⁶⁸ Siau Giap (1993), *op. cit.*, h. 85.

⁶⁹ *Ibid.*

⁷⁰ Zamzuri Zakaria & Mat Noor Mat Zain (2006), “MACMA dan Peranannya dalam Pembangunan Ekonomi Masyarakat Cina Muslim Malaysia”, dalam Wan Abd. Hamid Wan Teh & Anisah Hj. Zainal Abidin (ed), *Budaya dan Pemikiran dalam Masyarakat Global: Malaysia dan China*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 811.

Sherppard dan Tan Sri Ubaidullah telah melakukan usaha dalam penubuhan Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM).⁷¹ Selain itu, beliau juga berperanan mempertahankan Koey Jetty di Weld Quay, Pulau Pinang iaitu salah sebuah tempat bersejarah bagi masyarakat Cina Muslim di Malaysia. Usaha beliau ini mendapat sokongan Perdana Menteri Pertama, Tunku Abdul Rahman dan Menteri Pulau Pinang Pertama, iaitu Tan Sri Wong Pow Nee. Usaha Haji Ibrahim Ma dalam membantu kemajuan negara kemudiannya diteruskan oleh anak-anaknya. Anak ketiga beliau, Minuira Sabki Ma Min bergiat aktif dalam Wanita PERKIM dan beberapa kali telah menjawat jawatan sebagai pengarah organisasi tersebut. Begitu juga dengan anak sulung lelaki beliau, Mustafa Ma Chi yang turut aktif dalam PERKIM dan menjawat jawatan Presiden MACMA menggantikan tempatnya.

Aktiviti pentadbiran dan pengurusan dalam kalangan masyarakat Cina Muslim kelas menengah turut dibantu oleh pelajar-pelajar Cina Muslim yang melanjutkan pengajian di Malaysia, khususnya dari China dan Taiwan. Contohnya, mereka telah menerbitkan program-program rancangan televisyen yang bersifat keagamaan dengan mengaplikasikan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar utama. Salah seorang Cina Muslim kelas menengah yang terlibat dalam aktiviti seperti ini ialah Hajah Mariam Ma. Beliau telah menggabungkan pengetahuannya yang mendalam tentang Islam dengan kefasihan beliau berbahasa Mandarin dan Melayu untuk menghasilkan program-program menarik bagi kepentingan masyarakat Cina Muslim-Mandarin di Malaysia. Beberapa pelajar Muslim dari China juga bekerja sambilan dengan lembaga keagamaan seperti *Regional Islamic Da'wah Council of Southeast Asia and Pasific* (REISAP) dan PERKIM. Mereka turut dilihat terlibat dalam majlis tertentu yang dianjurkan oleh persatuan-persatuan seperti Darulfitrah.⁷²

Selain melibatkan diri dalam bidang pengurusan dan pentadbiran, masyarakat Cina Muslim di Malaysia juga terdiri daripada kalangan profesional seperti doktor dan jurutera. Di peringkat awal, mereka ini terdiri daripada golongan kelas bawahan yang melakukan kerja-kerja seperti pekerja buruh, penoreh getah dan sebagainya.⁷³ Alia Tung Ma Lin, anak kepada tokoh Cina Muslim Malaysia, Haji Ibrahim Ma merupakan salah seorang daripada golongan kelas menengah yang berkerja sebagai pensyarah dan penulis. Menurut Rosey Ma, walaupun kehadiran sebahagian daripada golongan profesional atau pedagang dari China ke Malaysia bersifat sementara, gelombang kehadiran mereka sebagai masyarakat Cina Muslim kelas menengah tetap dirasai oleh Malaysia. Hubungan mereka dengan masyarakat Melayu dan Cina lain telah membawa perkembangan bukan sahaja dalam bidang sosial bahkan juga bidang ekonomi dan politik.⁷⁴

⁷¹ Rosey Ma Wang (2003), *op. cit.*, h. 165; Siau Giap (1993), *op. cit.*, h. 85.

⁷² *Ibid.*, h. 168.

⁷³ Siau Giap (1993), *op. cit.*, h. 89 & 91.

⁷⁴ Rosey Ma Wang (2003), *op. cit.*, h. 169.

MACMA banyak memainkan peranan dalam membantu ekonomi golongan ini. Masyarakat Cina sememangnya sinonim dengan aktiviti perniagaan dan perdagangan yang dimulakan dengan perniagaan kecil-kecilan sehinggalah perniagaan besar-besaran. Dalam erti kata lain, aktiviti perniagaan mereka bermula dengan perniagaan runcit, di mana melaluinya mereka memperoleh pengalaman dan kemahiran serta belajar untuk mengendalikan pelanggan, sehingga memberi peluang kepada mereka untuk mengembangkan perniagaan mereka.⁷⁵ Oleh itu, tidak hairanlah jika ramai masyarakat Cina Muslim di Malaysia yang melibatkan diri dalam aktiviti tersebut. Menurut Nagata, selain daripada kelas pekerja, kebanyakan Cina yang memeluk Islam juga terdiri daripada peniaga kecil-kecilan.⁷⁶ Peningkatan golongan lelaki Cina yang memeluk Islam pada tahun 1972 telah memberi kesan yang positif terhadap perkembangan ekonomi negara. Di samping golongan lelaki, golongan perempuan juga memainkan peranan yang penting dalam menguruskan perniagaan yang bersifat kecil-kecilan ini.⁷⁷

Melalui MACMA, Cina Muslim kelas menengah juga telah merancang beberapa aktiviti dan projek yang sesuai bagi menjana hasil dan meningkatkan ekonomi mereka yang seterusnya membawa kepada perkembangan ekonomi negara. Antara aktiviti yang dirancang adalah aktiviti yang berbentuk jualan dan sewaan. 'Buletin MACMA Selangor' melaporkan bahawa antara salah satu pencapaian MACMA menerusi aktiviti jualan ini ialah kejayaan mereka membuat kerjasama bersama SOGO Holdings dan SOGO Department Store Bhd. Kuala Lumpur bagi mempromosikan restoran Cina Muslim di Kompleks SOGO Kuala Lumpur. Selain itu, biro wanita dan belia yang dipengerusikan oleh Marlina Wong turut mengadakan *Sunday Bazaar* di kompleks tersebut. Projek sewaan juga mendatangkan hasil yang memberangsangkan seperti penyewaan hartanah bangunan empat tingkat di Jalan Taha, Kuching Sarawak oleh Mr. Lee Chin Min. Sewaan ini mendatangkan hasil pendapatan lebih daripada RM 3,000 sebulan.⁷⁸

Perniagaan paling utama yang dijalankan masyarakat Cina Muslim di Malaysia adalah perniagaan makanan. Ini dapat dilihat dengan kemunculan restoran makanan Cina Muslim di beberapa buah negeri seperti Selangor, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Hj Sharin Low Abdullah merupakan salah seorang ahli perniagaan terkenal di Selangor yang bergiat aktif dalam perniagaan makanan ini. Pada masa yang sama, beliau juga bertanggungjawab untuk menggerakkan dan mentadbir MACMA cawangan Selangor bagi sesi 2011/2012. Sehingga hari ini, beliau telah memiliki beberapa restoran makanan sendiri di beberapa cawangan yang tertentu. Restoran utamanya terletak di Jalan Ampang, Kuala Lumpur dan dikenali sebagai 'Restoran Hj Sharin Low Grand'. Selain itu, beliau juga membuka beberapa cawangan lain seperti di Jalan Ampang, Kuala Lumpur; Bukit

⁷⁵ Wan Seng Ann (2006), *Rahsia Bisnes Orang Cina*, Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., h. 3.

⁷⁶ Judith A. Nagata (1978), *op. cit.*, h. 109.

⁷⁷ Siau Giap (1993), *op. cit.*, h. 94.

⁷⁸ Zamzuri Zakaria & Mat Noor Mat Zain (2006), *op. cit.*, h. 816.

Antarabangsa, Ampang; Taman Sri Gombak, Batu Caves; Persiaran Raja Muda, Klang dan Shah Alam, Selangor. Restoran makanan di cawangan tersebut menggunakan nama 'Restoran Hj Sharin Low' dan 'Mukmin Seafood Restaurant'. Beliau juga bercadang untuk membuka cawangannya di kawasan lain dan usaha beliau ini banyak didorong oleh isterinya, Sofia Chong.⁷⁹

Selain Hj Sharin Low, Mohd Chan seorang lagi Cina Muslim kelas menengah di Selangor turut memilih langkah yang sama dengan menceburkan diri dalam perniagaan makanan. Pencapaian beliau dalam bidang perniagaan dapat dilihat melalui kejayaannya membuka restoran makanan di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur seperti di Ulu Klang, Kelana Jaya, Rawang, Wangsa Maju dan Bandar Baru Bangi. Semua restoran makanan ini menawarkan makanan Cina Muslim dan berjaya menarik pelanggan bukan sahaja dari kalangan masyarakat Cina atau Cina Muslim di Malaysia, bahkan juga pelanggan daripada bangsa lain seperti Melayu dan India. Beliau bercadang untuk membuka 10 buah lagi restoran makanan miliknya sendiri dan berkongsi kejayaannya dengan masyarakat Cina Muslim yang lain.⁸⁰ Budaya mereka dalam bidang perniagaan ini membuatkan mereka dikenali dan boleh dikatakan berjaya mencipta satu budaya baru yang dapat melambangkan dan membezakan mereka dengan masyarakat lain di Malaysia.

Penglibatan masyarakat Cina Muslim dalam politik Malaysia amat sukar untuk dikenal pasti. Kajian mengenainya juga belum pernah diketengahkan dan jika dilihat berdasarkan konteks Malaysia kini, belum pernah tertubuh satu parti politik khusus yang diketuai dan disertai sepenuhnya oleh masyarakat Cina Muslim. Namun begitu, golongan ini juga dilihat secara tidak langsung turut melibatkan diri dalam parti-parti politik di Malaysia seperti *Malaysian Chinese Association* (MCA), UMNO dan PAS, tetapi ianya banyak disertai oleh Cina Muslim 'convert'.⁸¹ Keadaan ini dapat membuktikan bahawa masyarakat Cina Muslim ini sedikit sebanyak terpengaruh dengan kegiatan politik masyarakat Melayu. Walaupun dalam kalangan Cina Muslim ini tidak wujud sebuah parti yang memihak kepada mereka, nasib dan kepentingan semua masyarakat Cina Muslim ini tetap dibela melalui pertubuhan mereka, iaitu MACMA. Sebagai contoh, MACMA telah memperjuangkan permohonan mereka untuk membina Masjid Seni Bina Cina di beberapa buah negeri seperti Selangor, Kelantan dan Sarawak.⁸² Akhbar tempatan baru-baru ini melaporkan bahawa kerajaan telah meluluskan permohonan MACMA untuk membina sebuah lagi masjid di tanah seluas 1.94 hektar (4.8 ekar) di Jalan Davis berhampiran Sekolah Rendah Jalan Pasir, Kuala Lumpur. Permohonan MACMA ini diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja Tanah

⁷⁹ *Buletin MACMA Selangor* (2011), Vol. 1: 2, Januari 2011.

⁸⁰ *Ibid.*

⁸¹ Judith A. Nagata (1978), *op. cit.*, h. 111; Siau Giap (1993), *op. cit.*, h. 93.

⁸² Jaffary Awang (2006), "Peranan Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA) dalam Pengekalan Identiti Cina Muslim di Malaysia: Analisis Sosiologi", dalam Wan Abd. Hamid Wan Teh & Anisah Hj. Zainal Abidin (ed), *Budaya dan Pemikiran dalam Masyarakat Global: Malaysia dan China*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 431.

Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur pada 15 September 2009. Sebidang tanah telah dirizabkan sebagai tapak pembinaan masjid tersebut di bawah kawalan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.⁸³ Di samping itu, MACMA juga menjalinkan hubungan diplomatik bersama masyarakat Muslim negara China.⁸⁴ Hubungan tersebut bukan sahaja membawa keuntungan kepada masyarakat Cina Muslim bahkan juga membantu kepada perkembangan dan pembangunan Malaysia. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa Cina Muslim kelas menengah lebih cenderung untuk memilih badan bukan kerajaan bagi menyuarakan dan memperjuangkan nasib mereka berbanding dengan parti-parti politik yang ditubuhkan di Malaysia.

iii) India Muslim

Masyarakat India Muslim merupakan salah sebuah komuniti yang wujud di Malaysia. Mereka juga dikategorikan sebagai masyarakat Muslim kelas menengah dan memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya jika dibandingkan dengan Muslim kelas menengah yang lain. Sejarah kedatangan masyarakat India ke Tanah Melayu bermula apabila Kedah muncul sebagai pelabuhan terpenting yang menjadi jalan perhubungan antara pedagang-pedagang China dan India sejak abad ke-3 lagi. Kedah kemudiannya telah menjadi pusat penempatan komuniti India yang pertama di Tanah Melayu. Setelah kemasukan Islam di India, pedagang India Muslim yang berada di Kedah memainkan peranan yang penting dalam mengetahui dan mengawal aktiviti perdagangan di kawasan tersebut, khususnya dalam hubungan perdagangan dengan Chulia di Pantai Koromandel, selatan India. Maka, tidak hairanlah jika ramai daripada pedagang atau peniaga tersebut berasal daripada komuniti India Muslim di selatan India. Pada ketika itu, Kedah telah menjadi pusat perdagangan antarabangsa di antara Tanah Arab, India dan China yang memperdagangkan pelbagai jenis barangan seperti manik, tembikar, kaca, tekstil dan rempah ratus.⁸⁵

Kehadiran India Muslim seterusnya berlaku dalam dua peringkat, iaitu selepas Melaka menjadi pelabuhan terpenting bagi menjalankan perdagangan entrepot pada abad ke-15 dan selepas Pulau Pinang menjadi pusat perdagangan British pada abad ke-18. Di Melaka, India Muslim ini mengekalkan pejabat pengurusan mereka di bandar, tetapi pada masa yang sama mereka juga membangunkan estet atau penempatan di sekeliling masjid utama yang dibina oleh mereka. Oleh kerana itu, penempatan mereka ini dikenali sebagai Kampung Palli di mana istilah *Palli* merupakan sebutan berbahasa Tamil yang bermaksud 'masjid'.⁸⁶ Dalam sejarah Malaysia, para pengkaji mencatatkan bahawa selain berasal dari selatan India, iaitu Malabar, di Pantai Koromandel, India Muslim ini juga berasal dari Utara

⁸³ Anon (2010), "Persatuan Cina Muslim Dapat Tanah Bina Masjid", *Utusan Malaysia*, 25 April 2010.

⁸⁴ Jaffary Awang (2006), *op. cit.*, h. 418.

⁸⁵ Halimah Mohd Said & Zainal Abdul Majid (2004), *Image of the Jawi Peranakan of Penang: Assimilation of the Jawi Peranakan Community into the Malay Society*, Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, h. 34-35.

⁸⁶ *Ibid.*; Judith A. Nagata (1993), "Religion and Ethnicity Among the Indian Muslims of Malaysia", dalam K.S Sandhu & A. Mani (ed), *Indian Communities in Southeast Asia*, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies (ISEA), h. 515.

India, iaitu Gujerat dan Bengal. Pendapat lain pula mengatakan mereka berasal dari Chulia, Pakistan, Uttar Pradesh dan Bihar.⁸⁷ Mereka kebiasaannya menjalankan aktiviti perdagangan dan tidak tinggal menetap di sesuatu kawasan. Namun begitu, terdapat juga sebahagian daripada mereka yang membentuk penempatan sendiri di kawasan-kawasan tertentu dan berasimilasi dengan penduduk tempatan melalui perkahwinan. Kehidupan India Muslim di Malaysia telah mewarnai ekonomi tempatan dengan budaya perniagaan yang berbeza dengan masyarakat lain.

Pada hari ini, panggilan ‘mamak’ adalah sinonim untuk komuniti India Muslim. Perkataan ‘mamak’ mempunyai pelbagai maksud berdasarkan budaya, amalan, lokasi, geografi dan bangsa mereka. Masyarakat tempatan juga menggunakan perkataan ‘mamak’ untuk membezkan India Muslim dengan India bukan Muslim lain. Dalam bahasa Tamil, istilah ‘mamak’ membawa kepada pengertian ‘pakcik’. Selain panggilan ‘mamak’, terdapat juga gelaran lain yang digunakan oleh masyarakat tempatan bagi merujuk masyarakat India Muslim ini seperti gelaran ‘Kling’, ‘Darah Keturunan Kling’ (DKK), ‘Jawi Peranakan’ dan ‘Jawi Pecan’ atau ‘Jawi Pekan’.⁸⁸ Contohnya, pada hari ini, Jawi Peranakan di Kedah dan Perlis lebih cenderung untuk menggunakan istilah ‘Jawi Pekan’ bagi merujuk komuniti mereka, manakala orang Melayu Pulau Pinang atau *Orang Tanjung* pula menggunakan istilah ‘mamak’, ‘Darah Keturunan Kling’ dan ‘Jawi Peranakan’ bagi merujuk komuniti India Muslim di kawasan mereka.⁸⁹

Berdasarkan anggaran tahun 1993, jumlah masyarakat India Muslim (Tamil Muslim) di Malaysia adalah seramai 300,000 orang manakala pada tahun 2005, jumlah tersebut dianggarkan telah meningkat kepada 600,000 orang.⁹⁰ Akhbar ‘Berita Harian’ bertarikh 13/12/2010 melaporkan bahawa terdapat seramai 648,000 orang India Muslim pada masa kini. Seperti komuniti Cina Muslim, masyarakat India Muslim di Malaysia juga terdiri daripada saudara baru yang memeluk Islam. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh PERKIM, terdapat seramai 78 orang India yang memeluk Islam pada tahun 2000, di mana 57 orang daripadanya adalah lelaki dan 21 orang selebihnya adalah perempuan. Seterusnya, pada tahun 2001, seramai 59 orang lelaki dan 45 orang perempuan berbangsa India telah memeluk Islam menjadikan keseluruhannya berjumlah 104 orang.⁹¹

Sejarah membuktikan bahawa golongan India Muslim ini sememangnya mempunyai kemahiran yang tinggi dalam aktiviti perniagaan dan perusahaan. Perkembangan perniagaan dan perusahaan India Muslim bermula dengan memilih

⁸⁷ *Ibid.*, h. 255 & 515; Azharudin Mohamed Dali (2008), “Sejarah Masyarakat India Muslim di Malaysia: Satu Tinjauan Awal”, dalam Sivachandralingam S. Raja, *et.al* (ed), *Sejarah Masih Relevan*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd., h. 567.

⁸⁸ *Ibid.*, h. 518-519.

⁸⁹ Halimah Mohd Said & Zainal Abdul Majid (2004), *op. cit.*, h. 17.

⁹⁰ Azharudin Mohamed Dali (2008), *op. cit.*, h. 268.

⁹¹ Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng & Abdul Salam Muhamad Shukri (2008), *op. cit.*, h. 128.

perniagaan yang mempunyai risiko yang rendah. Mereka lebih cenderung untuk memilih perniagaan kecil-kecilan dengan tujuan mencipta modal bagi membuka cabang perniagaan yang lain. Perniagaan kecil tersebut kemudiannya dikembangkan kepada beberapa cabang lain yang masih mengekalkan bentuk perniagaan lama ataupun membentuk perniagaan baru. Terdapat beberapa bentuk perniagaan dan perusahaan utama yang diceburi oleh masyarakat India Muslim di Malaysia. Antaranya:

a) Perniagaan makanan

Perniagaan makanan merupakan perniagaan yang paling pesat berkembang dan telah muncul di beberapa negeri sekitar Malaysia. Etnik yang ramai menguasai perniagaan ini ialah etnik *Rawther*. Kemunculan mereka bermula dengan lahirnya kedai ‘mee goreng’, ‘rojak’ dan ‘cendol’ secara bergerak. Kemudian, ia berkembang kepada perniagaan ‘roti canai’ dan akhirnya berkembang pula menjadi perusahaan restoran. Restoran Bistro adalah contoh restoran makanan yang berkembang daripada restoran tradisional dan masih kekal sehingga hari ini. Pada awalnya, Restoran Syed Bistro dikenali dengan nama Restoran Syed, kemudian terus berkembang dengan memperkenalkan pelbagai jenis hidangan tempatan dan Barat. Restoran Syed diusahakan pada awal tahun 1900 oleh imigran India di Pulau Pinang. Perniagaan tersebut menjangkau empat generasi di mana generasi ketiga berjaya meluaskan operasi perniagaannya sehingga ke Lembah Kelang pada 1968.⁹² Selain itu, India Muslim juga terkenal dengan perniagaan ‘nasi kandar’. Populariti ‘nasi kandar’ ini dapat dilihat melalui pembukaan beberapa buah restoran di bandar-bandar utama yang menggunakan nama seperti Restoran Kayu Nasi Kandar, Restoran Pelita Nasi Kandar, Restoran Kassim dan sebagainya. Perusahaan makanan yang diusahakan oleh golongan ini adalah berdaftar di bawah Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) dan Persatuan Restoran India Muslim Malaysia (PRESMA).⁹³

b) Perniagaan tekstil

India adalah antara negara yang mempunyai industri tekstil yang besar. Rakyatnya yang suka dengan pakaian bercorak dan pelbagai warna menyebabkan industri tekstil turut berkembang sehingga ke luar negara termasuklah Malaysia. Peniaga India Muslim turut terlibat secara langsung dalam industri tekstil yang menawarkan jualan kain ela, pakaian lelaki, perempuan dan kanak-kanak. Kebiasaannya perniagaan tekstil yang diusahakan peniaga India Muslim menggabungkan pelbagai jenis pakaian dan tekstil yang berkaitan di bawah satu premis perniagaan yang sama.⁹⁴ Penguasaan mereka dalam perniagaan tekstil ini dapat dilihat dengan jelas di Kuala Lumpur, terutamanya di Jalan Tunjku Abdul

⁹² Zamri Mohamad & Muhammad Faisal (2008), *Rahsia Bisnes Mamak*, Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., h. 13-14

⁹³ Azharudin Mohamed Dali (2008), *op. cit.*, h. 272.

⁹⁴ Zamri Mohamad & Muhammad Faisal (2008), *op. cit.*, h. 15.

Rahman. Terdapat puluhan kedai India Muslim yang menjual tekstil import di kawasan tersebut.

c) Perusahaan dalam penerbitan, percetakan dan pengedaran

India Muslim adalah di antara pelopor dalam penerbitan akhbar di Malaysia sejak negara ini belum merdeka lagi. Beberapa orang India Muslim seperti Hammed Kalanjiam, Sarana Baskaran dan Fakir Mohamed yang terkenal dalam bidang kewartawanan berbahasa Tamil telah menjadi editor bagi beberapa penerbitan akhbar yang diedarkan di Malaya dan Singapura sejak sebelum merdeka lagi. Penerbitan akhbar dalam tulisan jawi juga diterbitkan oleh mereka. Beberapa akhbar dan majalah yang diterbitkan di Pulau Pinang seperti 'Malaya Mitiran' (terbitan 1932), 'Dhesa Nesan' (1933) dan 'Malaya' (1957) juga diterbitkan oleh India Muslim. Selain itu, India Muslim juga bergiat aktif dalam aktiviti percetakan. Kewujudan pencetak-pencetak India Muslim dapat dilihat melalui penghasilan pelbagai bentuk bahan bacaan, khususnya buku-buku agama.⁹⁵

Perniagaan dan perusahaan yang dijalankan oleh peniaga-peniaga India Muslim sedikit sebanyak telah menyumbangkan kepada kemajuan ekonomi negara. Sehingga hari ini, aktiviti perniagaan menjadi asas ekonomi sebahagian besar masyarakat India Muslim di Malaysia. Mereka menceburkan diri dalam pelbagai bidang sama ada di peringkat kecil-kecilan atau antarabangsa seperti perniagaan buku, akhbar dan majalah, perniagaan rempah, perniagaan barang kemas, perniagaan perhiasan rumah dan perniagaan runcit. Antara tokoh India Muslim di Malaysia ialah Haji Abu Backer bin Mamak Hussain yang terkenal dengan *Barkath Store* miliknya, iaitu sebuah perusahaan yang menjual pelbagai barangan keperluan harian. Melalui *Syarikat Barkath Marine Product*, beliau telah mengembangkan produk marin seperti udang dan sardin. K. Sultan Merican pula terkenal dengan perniagaan barang kemas.⁹⁶ Selain itu, syarikat-syarikat seperti *Rose Paper*, *M.M Abd Rahim*, *United Malaya Paper*, *T. M. Hassan Rasheed*, *Habib Jewel* dan *Mydin* yang bergiat aktif di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang turut membantu perkembangan ekonomi negara.⁹⁷

Selain terlibat dalam bidang perniagaan dan perusahaan, masyarakat India Muslim di Malaysia juga terlibat secara langsung dalam bidang profesional. Ini kerana kedatangan India Muslim ke Tanah Melayu pada peringkat awalnya bukan sahaja disertai oleh golongan peniaga dan pedagang bahkan juga disertai oleh golongan profesional kelas menengah seperti kerani, peguam, doktor, pengurus wang dan jurnalis. Golongan jurnalis memainkan peranan yang penting ketika zaman penjajahan British di Tanah Melayu, khususnya dalam membangkitkan kesedaran kepada masyarakat India Muslim terhadap penjajah ketika itu melalui akhbar-akhbar seperti 'Desa Nesan', 'Tamil Nesan' dan 'Tamil Murasu'. Kemunculan

⁹⁵ *Ibid.*, h. 16.

⁹⁶ Azharudin Mohamed Dali (2008), *op. cit.*, h. 270.

⁹⁷ *Ibid.*, h. 274.

kelas menengah India Muslim ini juga dikaitkan dengan pendidikan Inggeris yang diperkenalkan oleh British. Sebagai contoh, Bashir Ahmad dan Ahmad Khan Suratee merupakan dua orang pemimpin dari kelas menengah berpendidikan Inggeris yang berperanan penting dalam pembentukan *Singapore Indian Association* (1922) dan *Singapore Muslim Association* (1936-1938).⁹⁸ Sungguhpun zaman telah berlalu, tidak dapat dinafikan bahawa kemunculan golongan profesional kelas menengah seperti doktor dan peguam daripada komuniti India Muslim ini masih dapat dilihat di Malaysia pada hari ini. Penulis seperti Abdul Rahman Fakir Malim, Muhammad Umar Syekh, Muhammad Hashim Abd. Ghani, Ahmad Rijaluddin Kandu dan Muhammad Naina Merican merupakan di antara golongan India Muslim yang banyak menyumbang dalam perkembangan ilmu pengetahuan di Malaysia.⁹⁹

Di samping itu, terdapat juga dalam kalangan masyarakat India Muslim yang melibatkan diri dalam bidang pentadbiran dan pengurusan seperti Tan Sri Ali Abu Hassan yang merupakan bekas Gabenor Bank Negara. Penglibatan India Muslim dalam bidang ini juga lebih banyak tertumpu kepada pentadbiran dan pengurusan perniagaan khususnya dalam syarikat makanan dan pusat membeli belah yang dimiliki oleh mereka. Antara yang terkenal adalah Murat Ali yang memegang jawatan sebagai Pengurus Teknologi Maklumat bagi pusat membeli belah terkenal di Malaysia, iaitu Mydin.¹⁰⁰

Secara khususnya, pembentukan awal politik masyarakat India Muslim dirintis oleh golongan pertengahan yang terdiri daripada mereka yang berpendidikan dan terlibat dalam perniagaan. Selepas tamat Perang Dunia Pertama, masyarakat India Muslim di Malaysia telah menubuhkan beberapa badan pertubuhan untuk menjaga kepentingan mereka. Melalui badan-badan pertubuhan ini, mereka mengharapkan masalah yang dihadapi mereka dapat diselesaikan. Pertubuhan ini terdiri daripada dua bentuk, iaitu pertubuhan yang bersifat kebangsaan dan kenegerian. Badan pertubuhan tersebut antaranya ialah:

- i- *All-Malaya Muslim League* (1940)
- ii- *Malaya Muslim League* (1947)
- iii- *Penang Muslim League* (1946)
- iv- *Singapura Muslim League* (1947)

Kemunculan *Malaya Muslim League* (1947) adalah ekoran daripada tertubuhnya parti politik *Malaysian Indian Congress* (MIC) pada Ogos 1946 oleh orang India bukan Islam. Masyarakat India Muslim tidak memberi sambutan yang baik terhadap parti tersebut kerana mereka tidak dapat menerima pimpinan orang India

⁹⁸ Michael Stenson (1980), *Class, Race and Colonialism in West Malaysia: The Indian Case*, St. Lucia: University of Queensland Press, h. 75 & 78.

⁹⁹ Jelani Harun (2010), "Muhammad Naina Marican: Penyalin Manuskrip Melayu", dalam Omar Yusoff & Jamaluddin Aziz (ed), *Jawi Peranakan di Pulau Pinang Ekspresi Sebuah Identiti*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, h. 93.

¹⁰⁰ Zamri Mohamad & Muhammad Faisal (2008), *op. cit.*, h. 20 & 221.

yang beragama Hindu. Mereka lebih berminat untuk memberi sokongan kepada UMNO atas dasar mempunyai persamaan dari segi keagamaan. Penglibatan mereka kemudiannya semakin berkurang dan hilang sekitar tahun 1960-an kerana wujudnya pelbagai bentuk pertubuhan lain. Setelah itu, bagi menyatupadukan kembali perpaduan di antara masyarakat India Muslim di Malaysia, satu perbadanan telah ditubuhkan, iaitu Persekutuan Muslimin Indo-Malaysia, Malaysia (PERMIM). PERMIM berpusat di Kuala Lumpur dan diwujudkan pada tahun 1973 dengan tujuan menyelenggarakan kegiatan-kegiatan tertentu bagi memajukan agama, sosial, ekonomi, pelajaran dan kebudayaan terutamanya dalam kalangan masyarakat India Muslim di Malaysia. Kemudian, pada tahun 1977, masyarakat India Muslim di Malaysia telah menubuhkan Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA) bagi memudahkan pergerakan politik mereka. KIMMA bermatlamat untuk menyatupadukan masyarakat India Muslim di bawah satu parti politik Islam serta menjaga kepentingan masyarakat keturunan India Muslim di Malaysia.¹⁰¹

Sehingga tahun 1977, ahli KIMMA dianggarkan berjumlah lebih kurang 20,000 orang yang merupakan gabungan daripada 70 cawangan, dan 20 daripada cawangan tersebut adalah berpusat di Pulau Pinang.¹⁰² Akhbar 'Berita Harian' bertarikh 13/12/2010 melaporkan bahawa KIMMA mensasarkan penambahan ahli baru seramai 140,000 orang menjelang Disember 2011 dan pendaftaran sekurang-kurangnya 200,000 sebagai pengundi baru pada pilihanraya ke-13 yang akan datang.¹⁰³ Selain terlibat dalam KIMMA, segelintir masyarakat India Muslim di Malaysia yang terdiri daripada golongan kelas menengah juga merupakan ahli kepada MIC, manakala India Muslim yang telah berasimilasi dalam masyarakat Melayu pula lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam UMNO.¹⁰⁴ KIMMA pernah menjadi sebahagian daripada Angkatan Perpaduan Ummah (APU) gabungan parti-parti pembangkang Islam, iaitu Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Parti Melayu Semangat 46 (S46), Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia (BERJASA) dan Parti Hizbul Muslimin (HAMIM).¹⁰⁵

Kesimpulan

Sehingga hari ini, isu-isu tentang konsep 'kelas' dan 'kelas menengah' masih lagi dibincangkan oleh para pengkaji sosiologi di seluruh dunia. Ini membuktikan bahawa masih tiada lagi konsep khusus yang boleh diguna pakai bagi mendefinisikan kedua-dua istilah tersebut. Sungguhpun terdapat ayat-ayat al-Qur'an yang menggambarkan perbezaan kedudukan seseorang dengan seseorang

¹⁰¹ Ahmad Redzuwan (1998), "Metodologi Dakwah kepada Masyarakat India Muslim: Satu Kajian di Persekutuan Muslim Indo-Malaysia, Malaysia (PERMIM), (Tesis Sarjana Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 27; Judith A. Nagata (1993), *op. cit.*, h. 528.

¹⁰² *Ibid.*

¹⁰³ Anon (2010), "KIMMA gesa lantik ahli jadi senator", *Berita Harian*, 13 Disember 2010.

¹⁰⁴ Judith A. Nagata (1993), *op. cit.*, h. 256.

¹⁰⁵ http://ms.wikipedia.org/wiki/Kongres_India_Muslim_Malaysia, 19 Februari 2011.

yang lain, ini tidak bermaksud Islam mengiktiraf kelas dalam kehidupan masyarakatnya, kerana martabat seseorang bukan diukur berdasarkan kedudukan atau harta, bahkan melalui ilmu dan ketaqwaannya kepada Allah s.w.t. Namun begitu, berbeza pula dengan ilmuan sosial Barat yang kebiasaannya mengaitkan perbincangan kedua-dua istilah tersebut dengan kapitalisme atau secara khususnya melalui ragam pengeluaran, kedudukan dalam pasaran dan pemilikan harta. Teori kelas yang diperkenalkan oleh Barat telah diaplikasikan oleh beberapa orang pengkaji 'kelas' di Malaysia seperti Johan Saravanamuttu dan Jomo K. Sundram. Walau bagaimanapun, ramai pengkaji menggunakan pendekatan pekerjaan bagi mengenalpasti 'kelas menengah' di Malaysia. Berdasarkan pendekatan ini, kelas menengah yang utama adalah terdiri daripada golongan pekerja dalam bidang profesional, pentadbiran dan pengurusan. Ketiga-tiga golongan ini memberikan sumbangan yang besar terhadap pembangunan negara, khususnya dalam bidang ekonomi dan politik. Di samping itu, golongan usahawan dan peniaga turut membantu negara mencapai kemajuannya.

Dalam konteks Malaysia, antara Muslim kelas menengah yang utama adalah Melayu, Cina dan India. Kemunculan pelbagai bentuk perniagaan serta penubuhan syarikat-syarikat tertentu yang diusahakan oleh ketiga-tiga golongan tersebut jelas menunjukkan kemajuan mereka dalam bidang ekonomi. Penglibatan masyarakat Muslim kelas menengah dalam aktiviti perekonomian ini juga dijadikan salah satu faktor penting yang mendorong kemajuan dan pembangunan ekonomi negara. Pada peringkat awal, penglibatan Melayu kelas menengah dalam aktiviti perniagaan dan perusahaan amatlah sedikit bilangannya jika dibandingkan dengan Cina Muslim dan India Muslim kelas menengah yang lain. Namun demikian, bilangan mereka bertambah dari masa ke semasa selepas pelbagai usaha dilaksanakan oleh kerajaan bagi menarik minat golongan Melayu dalam aktiviti ekonomi.

Muslim kelas menengah daripada golongan profesional, pengurusan dan pentadbiran pula diperhatikan telah mengembangkan ciri-ciri gaya hidup tersendiri yang melambangkan status dan kedudukan mereka sebagai masyarakat Muslim kelas menengah di Malaysia. Golongan ini juga telah membantu perkembangan konsumerisme yang baik dengan membeli barangan mewah seperti kereta, rumah, tanah, saham dan lain-lain lagi, bersesuaian dengan gaya hidup masyarakat Muslim kelas menengah yang moden.

Perkembangan Muslim kelas menengah dan pertumbuhan ekonomi yang pesat turut membantu kestabilan politik negara. Pendidikan Inggeris yang diperkenalkan oleh penjajah Barat telah banyak memberi kesedaran politik kepada Muslim kelas menengah baru yang berpendidikan. Pada hari ini, mereka bukan sahaja bangkit menyuarakan pandangan politik mereka, bahkan bergiat aktif dalam parti politik di Malaysia. Di samping itu, mereka juga menjadikan badan pertubuhan bukan kerajaan sebagai *platform* untuk menyuarakan pandangan dan tuntutan mereka terhadap sesuatu perkara. Majoriti Melayu kelas menengah menjadi ahli kepada parti politik seperti UMNO dan PAS. Cina Muslim kelas menengah juga

menyertai UMNO, di samping MCA dan badan bukan kerajaan lain, khususnya MACMA. Begitu juga dengan kebanyakan India Muslim kelas menengah, di mana mereka turut menjadi ahli kepada UMNO serta parti politik lain seperti MIC dan KIMMA. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa pembentukan Muslim kelas menengah di Malaysia telah menjadi punca kuasa dalam bidang politik. Sokongan dan pendapat mereka, khususnya di bandar-bandar telah menjadi rujukan kepada golongan pekerja dan kelas bawahan dalam membuat pendirian politik. Secara tidak langsung, ia mempengaruhi undi dalam setiap pilihanraya yang dijalankan oleh kerajaan. Justeru, disebabkan potensi kelas menengah yang mampu mengawal politik setempat, mereka sering dijadikan sandaran oleh pertubuhan politik bagi mengembangkan dan mengukuhkan pengaruh mereka dalam kalangan masyarakat.

Rujukan

Al-Qur'an (2001), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Qur'an*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Abdul Rahman Embong (1995), "Malaysian Middle Classes: Some Preliminary Observations", *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*, Bil. 22, 31-54.

Abdul Rahman Embong (1999), "Malaysian Middle Class Studies: A Critical Review", dalam Jomo K.S (ed), *Rethinking Malaysia*, Kuala Lumpur: Malaysian Social Science Association, 107-125.

Abdul Rahman Embong (2000), "Perindustrian, Peranan Pemerintah dan Pembentukan Kelas Menengah", dalam *Negara, Pasaran dan Pemodenan Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 83-115.

Ahmad Redzuwan (1998), "Metodologi Dakwah kepada Masyarakat India Muslim: Satu Kajian di Persekutuan Muslim Indo-Malaysia, Malaysia (PERMIM), (Tesis Sarjana Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Ann, Wan Seng (2006), *Rahsia Bisnes Orang Cina*, Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Anon (2010), "KIMMA gesa lantik ahli jadi senator", *Berita Harian*, 13 Disember 2010.

Anon (2010), "Persatuan Cina Muslim dapat tanah bina masjid", *Utusan Malaysia*, 25 April 2010.

Azharudin Mohamed Dali (2008), "Sejarah Masyarakat India Muslim di Malaysia: Satu Tinjauan Awal", dalam Sivachandralingam S. Raja, Ahmad Kamal

Ariffin Mohd Rus, Ling Ho Hui, Noraini Mohamed Hassan & Nurul Asnida Abu Bakar (ed), *Sejarah Masih Relevan*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd., 280-314.

Buletin MACMA Selangor (2011), Vol. 1: 2, Januari 2011.

Cashell, Brian W. (2008), "Who Are the 'Middle Class?'," *CSR Report for Congress*, 22 Oktober 2008, 1-6.

Crouch, Harold (1996), *Government and Society in Malaysia*, New South Wales: Allen & Unwin.

Edgell, Stephen (1993), *Class*, London & New York: Routledge.

Giap, Siau The (1986), *Cina Muslim di Indonesia*, Jakarta: Yayasan Ukhuwah Islamiyah.

Giap, Siau (1993), "Islam and Chinese Assimilation in Indonesia and Malaysia", dalam Tong, Cheu Hock (ed), *Chinese Beliefs and Practices in Southeast Asia*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd, 59-100.

Giddens, Anthony & Held, David (1982), *Classes, Power and Conflict: Classical and Contemporary Debates*, London: Macmillan Education LTD.

Gullick, J.M (1964), *Malaya*, London: Ernest Benn Ltd.

Halimah Mohd Said & Zainal Abdul Majid (2004), *Image of the Jawi Peranakan of Penang: Assimilation of the Jawi Peranakan Community into the Malay Society*, Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris. http://ms.wikipedia.org/wiki/Kongres_India_Muslim_Malaysia, 19 Februari 2011.

Jaffary Awang (2006), "Peranan Malaysian Chinese Muslim Assosiatan (MACMA) dalam Pengekalan Identiti Cina Muslim di Malaysia: Analisis Sosiologi", dalam Wan Abd. Hamid Wan Teh & Anisah Hj. Zainal Abidin (ed), *Budaya dan Pemikiran dalam Masyarakat Global: Malaysia dan China*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 404-439.

Jelani Harun (2010), "Muhammad Naina Marican: Penyalin Manuskrip Melayu", dalam Omar Yusoff & Jamaluddin Aziz (ed), *Jawi Peranakan di Pulau Pinang Ekspresi Sebuah Identiti*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 85-97.

Kamus Dewan (2007), Ed. ke- 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kahn, Joel S (1991), "Constructing Culture: Toward an Anthropology of the Middle Classes in Southeast Asia", *Asian Studies Review*, Bil. 15 (2), November 1991, 50-57.

Kahn, Joel S. (1996), "The Middle Class as a Field of Ethnological Study", dalam Ikmal Said & Zahid Emby (ed), *Malaysia: Critical Perspectives Essays in Honour of Syed Husin Ali*, Kuala Lumpur: Malaysian Social Science Association, 12-31.
Khasnor Johan (1984), *The Emergence of the Modern Malay Administrative Elite*, Singapura: Oxford University Press.

Kuntowijoyo (1991), *Paradigma Islam Interpretasi untuk Aksi*, Bandung: Penerbit Mizan.

Malaysia (2003), *Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005*, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Mat Hassan Esa (1992), "Pelan Induk Budaya Keusahawanan", dalam Chamchuri Siwar, Mohd. Yusof Kasim & Abdul Malik Ismail (ed.), *Ekonomi Bumiputera Selepas 1990*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 54-76.

Mohd Khuzairi Ismail (2008), "Ringankan Kelas Menengah", *Utusan Malaysia*, 19 Ogos 2008.

Mohd Zaidi Senapi & Nazmy Sannusi (2008), "Kelas Menengah Melayu: Pudar di Sebalik Agenda Politik", *Al-Islam*, Bil. 417. September 2008, 7-19.

Mohd Nor Nawawi (1991), "Dasar Ekonomi Baru, Perpaduan Nasional dan Kelas Menengah", dalam Khadijah Muhamed & Halimah Awang (ed), *Dasar Ekonomi Baru dan Masa Depan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia, 140-154.

Nagata, Judith A. (1978), "The Chinese Muslim of Malaysia: New Malays or New Associates? A Problem of Religion and Ethnicity", dalam Means, Gordon P. (ed), *The Past in Southeast Asia's Present*, Ottawa: Secretariat, Canadian Society for Asian Studies, 102-114.

Nagata, Judith A. (1993), "Religion and Ethnicity Among the Indian Muslims of Malaysia", dalam Sandhu, K.S & Mani, A. (ed), *Indian Communities in Southeast Asia*, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies (ISEA), 513-540.

Nordin Selat (1976), *Kelas Menengah Pentadbir Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu (M) Bhd.

Nordin Selat (1978), *Renungan*, Kuala Lumpur: Utusan Printcorp Sdn. Berhad.

Nor Hayati Sa'at (2004), "Golongan Profesional Melayu di Terengganu: Kajian Sosio-budaya", *Akademika*, Bil. 64, 133-142.

Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng & Abdul Salam Muhamad Shukri (2008), *Muslim Convert in Malaysia: The Problem of Cultural Adjustment*, Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.

Qutb, Muhammad (1980), *Shubahat Hawl al-Islam*, Beirut: Dar al-Shuruq.

Saravanamuttu, Johan (1989), “Kelas Menengah dalam Politik Malaysia: Tonjolan Perkauman atau Kepentingan Kelas”, *Kajian Malaysia*, Bil. 7 (1&2), 106-126.

Stenson, Michael (1980), *Class, Race and Colonialism in West Malaysia: The Indian Case*, St. Lucia: University of Queensland Press.

Sundram, Jomo K. (1977), “Class Formation in Malaya: Capital, the State and Uneven Development”, (Tesis Ph.D. Sosiologi, University Harvard).

Shamsul Amri Baharuddin (1993), *Masyarakat Melayu dan Alam Sosialnya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syed Husin Ali (1964), *Social Stratification in Kampong Bagan: A Study of Class, Status, Conflict and Mobility in a Rural Malay Community*, Singapura: Malaysia Printers Limited.

Syed Husin Ali (1984), “Social Relations: The Ethnic and Class Factors”, dalam *Ethnicity, Class and Development Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia, 13-31.

Umran Mohd. Anas Khan (1991), “Kelas Menengah Melayu Bandar: Satu Kajian Status Sosio-ekonomi dan Politik”, (Tesis Sarjana Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya).

Wang, Rosey Ma (2003), “Chinese Muslim in Malaysia in Different Periods of History”, dalam Ming, Ding Choo & Beng, Ooi Kee (ed), *Chinese Studies of the Malay World: A Comparative Approach*, Singapura: Eastern Universities Press, 140-172.

Wang, Rosey Ma @ Wang, Luo Li (2009), “Negotiating Identities: The Hui, Chinese Muslim”, (Tesis Ph.D., Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Whah, Chin Yee (2001), “Transformasi Budaya Niaga Usahawan Cina di Semenanjung Malaysia”, *Kajian Malaysia*, Bil. 19 (1), 60-99.

Weber, Max (1961), *From Max Weber: Essay in Sociology*, London: Routledge and Kegan Paul.

Wheeler, L.R. (1928), *The Modern Malay*, London: Allen & Unwin.

Zamri Mohamad & Muhammad Faisal (2008), *Rahsia Bisnes Mamak*, Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Zamzuri Zakaria & Mat Noor Mat Zain (2006), “MACMA dan Peranannya dalam Pembangunan Ekonomi Masyarakat Cina Muslim Malaysia”, dalam Wan Abd. Hamid Wan Teh & Anisah Hj. Zainal Abidin (ed), *Budaya dan Pemikiran dalam Masyarakat Global: Malaysia dan China*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 807-826.